Ekonomi Malaysia pada Tahun 2007

3 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2007
6 Tinjauan Keseluruhan
7 Keadaan Permintaan Dalam Negeri
12 Kajian Mengikut Sektor
24 *Rencana: Pembangunan Industri Pembiayaan Mikro yang Teguh dan Mampan*
27 Harga dan Guna Tenaga
34 Sektor Luar Negeri
48 *Rencana: Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana*

Ekonomi Malaysia pada tahun 2007

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2007

Pertumbuhan global adalah kukuh pada tahun 2007, didorong oleh pertumbuhan yang melebihi trend di kebanyakan ekonomi perindustrian dan pertumbuhan pesat ekonomi pasaran sedang pesat membangun, meskipun menghadapi penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS), harga minyak yang lebih tinggi dan pasaran kewangan yang mula mengalami kegawatan pada separuh kedua tahun itu. Ekonomi Republik Rakyat China (RR China),

Pertumbuhan global adalah kukuh pada tahun 2007, didorong oleh pertumbuhan yang melebihi trend di kebanyakan ekonomi perindustrian dan pertumbuhan pesat ekonomi pasaran sedang pesat membangun, meskipun menghadapi penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi AS, harga minyak yang lebih tinggi dan pasaran kewangan yang mula mengalami kegawatan pada separuh kedua tahun itu

India dan ekonomi sedang pesat membangun lain yang utama seperti Brazil dan Rusia meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan global, hasil daripada aktiviti penggunaan yang kukuh dan pelaburan yang meningkat. Harga komoditi yang berada pada paras tertinggi juga menjana pertumbuhan dalam banyak ekonomi pengeluar sumber. Selain mendapat manfaat daripada perkembangan ini, momentum pertumbuhan kukuh di rantau Asia turut disokong oleh permintaan dalam negeri yang meningkat, yang telah lebih daripada mengimbangi kesan daripada penyederhanaan dalam eksport barangan elektronik. Sebaliknya, tekanan negatif terhadap ekonomi AS meningkat pada penghujung tahun, disebabkan oleh munculnya masalah gadai janji subprima dan juga kemerosotan berterusan sektor perumahan AS yang mempunyai kesan terhadap pasaran kewangan global.

Ekonomi **AS** menunjukkan trend pertumbuhan yang tidak sekata pada tahun 2007, namun berkembang secara keseluruhannya pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan tahun 2006. Setelah mencatat pertumbuhan yang di bawah trend pada suku pertama, terutamanya akibat pasaran perumahan yang lebih lemah, pertumbuhan suku kedua dan ketiga pulih sedikit, disokong oleh aktiviti pelaburan bukan perumahan dan eksport bersih yang memperoleh manfaat

Jadual 1.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2006	2007*a*	2006	2007*a*
Pertumbuhan Dunia	**4.9**	**4.7**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**9.2**	**6.6**	**-**	**-**
Negara Perindustrian Utama				
Amerika Syarikat	2.9	2.2	3.2	2.9
Jepun	2.2	2.0	0.3	0.1
Kawasan Euro	2.8	2.6	2.2	2.0
United Kingdom[1]	2.8	3.1	2.3	2.4
Asia Timur	**8.1**	**8.4**	**2.6**	**3.7**
NIE Asia	**5.4**	**5.5**	**1.6**	**2.2**
Korea	5.0	4.9	2.2	2.5
China Taipei	4.9	5.7	0.6	1.8
Singapura	8.2	7.7	1.0	1.7
Hong Kong SAR[2]	7.0	6.3	2.0	2.0
Republik Rakyat China	**11.1**	**11.4**	**1.5**	**4.8**
ASEAN[3]	**5.9**	**6.3**	**6.7**	**3.4**
Malaysia	5.9	6.3	3.6	2.0
Thailand	5.1	4.8	4.6	2.0
Indonesia	5.5	6.3	13.1	6.3
Filipina	5.4	7.3	6.2	3.0
India[4, 5]	**9.6**	**8.7**	**4.8**	**4.8**

[1] Inflasi berdasarkan indeks harga pengguna terharmoni Eurostat
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit
[3] Termasuk Singapura
[4] Pertumbuhan KDNK benar berdasarkan tahun kewangan
[5] Inflasi merujuk kepada indeks harga pemborong
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara, anggaran BNM.

daripada pertumbuhan global yang kukuh dan dolar AS yang lebih lemah. Sementara itu, perbelanjaan penggunaan terus mendapat sokongan daripada keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, seperti dicerminkan oleh pewujudan peluang pekerjaan, kadar pengangguran yang rendah dan pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan pada sepanjang tahun. Ini dicapai walaupun pasaran perumahan terus lembap, dengan harga rumah di seluruh negara merosot dalam keadaan inventori rumah yang tinggi, jualan rumah yang semakin menurun dan peningkatan pengambilan balik rumah akibat pinjaman yang tidak dijelaskan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan dengan ketara pada suku keempat, sebahagiannya mencerminkan implikasi yang lebih ketara ekoran pasaran perumahan yang terus merosot dan kesan yang muncul daripada kegawatan pasaran kewangan.

Pertumbuhan negara perindustrian utama lain terus melebihi trend pada tahun 2007. Di **Jepun**, pertumbuhan disokong oleh prestasi eksport yang menggalakkan dan aktiviti pelaburan yang berkaitan dengan peningkatan permintaan dari RR China yang kini mengambil alih kedudukan AS sebagai rakan perdagangan Jepun yang terbesar. Perkembangan ini telah lebih daripada mengimbangi pertumbuhan penggunaan yang kecil, yang terkekang oleh pertumbuhan mendatar dalam upah nominal sepanjang tahun. Momentum pertumbuhan di **kawasan euro** juga terus menggalakkan pada tahun itu, hasil daripada peningkatan permintaan eksport daripada rantau sedang pesat membangun dan pertambahan dalam perbelanjaan pelaburan. Penggunaan juga menyumbang kepada pertumbuhan berikutan kadar pengangguran yang mencapai tahap terendah sejak tahun 1999. Ekonomi **United Kingdom** pula mendapat sokongan daripada prestasi kukuh perkhidmatan perniagaan dan kewangan berikutan peningkatan guna tenaga dan perkembangan upah yang positif. Namun begitu, beberapa tanda kelemahan muncul dalam negara-negara ini pada akhir tahun 2007. Pelaburan perumahan di Jepun terjejas dengan ketara oleh piawai pembinaan yang lebih ketat. Di Eropah, termasuk United Kingdom, indeks keyakinan perniagaan dan pengguna jatuh apabila masalah subprima AS mengakibatkan keadaan kredit yang lebih ketat, dan pasaran perumahan di beberapa buah negara mula menurun.

Berbeza dengan trend dalam ekonomi maju, momentum pertumbuhan di **rantau Asia** yang kukuh menjadi bertambah pesat pada tahun 2007. Ini disebabkan permintaan dalam negeri dan pendorong pertumbuhan lain yang telah lebih daripada mengimbangi penyederhanaan dalam permintaan luaran disebabkan pelarasan dalam kitaran elektronik global dan perkembangan di AS. Permintaan dalam negeri adalah memberangsangkan, hasil daripada keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, kenaikan harga komoditi dan peningkatan perbelanjaan bagi infrastruktur. Pertumbuhan turut didorong oleh perdagangan antara rantau yang semakin berkembang, sebahagiannya disebabkan oleh prestasi teguh ekonomi RR China yang berkembang sebanyak 11.4%. Ekonomi RR China bukan sahaja didorong oleh pertumbuhan pelaburan yang berterusan tinggi dan prestasi eksport yang kukuh, bahkan mendapat rangsangan penggunaan swasta yang lebih tinggi, yang didorong oleh sentimen positif ekoran pasaran ekuiti yang meningkat pada separuh tahun pertama serta langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan termasuk pembangunan kawasan luar bandar. Sementara itu, pertumbuhan di **India** pula terus memberangsangkan pada tahun 2007, diterajui terutamanya oleh penggunaan swasta hasil daripada pendapatan yang meningkat ekoran pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Pertumbuhan juga dipacu oleh pelaburan apabila perolehan tertahan syarikat yang tinggi merangsang pelaburan swasta. Dari segi sektor luaran, lebihan akaun semasa di Asia terus besar dan aliran masuk modal terus menyumbang kepada rizab mata wang asing yang lebih tinggi dalam ekonomi serantau. Meskipun begitu, ekonomi AS yang semakin lembap dan dolar AS yang lebih lemah telah merapatkan jurang ketidakseimbangan global, dengan defisit akaun semasa AS berkurang kepada kira-kira 5.7% daripada KDNK. Faktor penyumbang lain termasuk peranan permintaan dalam negeri yang semakin penting dalam ekonomi sedang pesat membangun, dan pertumbuhan mapan di kawasan euro dan Jepun.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat di **Amerika Latin, Timur Tengah** dan **negara-negara Eropah yang sedang pesat membangun** juga menjadi satu sumber permintaan baharu buat Asia. Dengan itu ekonomi Asia telah tidak lagi hanya bergantung pada ekonomi perindustrian utama. Prestasi ekonomi di rantau-rantau ini terus mantap pada

tahun 2007, disokong terutamanya oleh perkembangan ekonomi yang amat positif, termasuk harga komoditi yang tinggi, permintaan dalam negeri yang kukuh dan prestasi eksport yang teguh.

Tempoh pertumbuhan global yang tinggi secara berterusan sejak tahun 2003 telah menyebabkan tekanan terhadap penggunaan sumber dan mengakibatkan kenaikan harga **komoditi**. Harga minyak telah melambung ke tahap paling tinggi dan juga menyumbang kepada kenaikan harga bahan makanan disebabkan permintaan terhadap barangan pengganti kepada bahan api konvensional bertambah, termasuklah tenaga boleh dibaharui seperti biodiesel dan etanol. Keadaan cuaca yang buruk juga menyumbang kepada kenaikan harga bahan makanan. Antara logam berharga pula, harga emas telah naik dengan mendadak sebanyak 31% kepada USD833.20 seauns, mencerminkan emas yang semakin popular sebagai pelindung nilai terhadap inflasi dan sebagai pelaburan alternatif kepada dolar Amerika Syarikat yang semakin lemah. Trend terkini menunjukkan keadaan permintaan asas bagi komoditi terus teguh, terutama dalam rantau ekonomi yang tumbuh dengan pantas. Berikutan perkembangan ini, **inflasi global** secara keseluruhannya mula meningkat pada tahun 2007. Ekonomi AS mengalami peningkatan tekanan terhadap inflasi harga, manakala kawasan euro terus mencatat pertumbuhan wang dan kredit yang tinggi. Sementara itu, beberapa negara dalam rantau Asia menghadapi tekanan harga daripada kenaikan harga bahan makanan dan bahan api.

Rajah 1.1
Harga Minyak Mentah: WTI 1 bulan



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.2
Negara Perindustrian Utama: Kadar Faedah Rasmi



Sumber: Pihak berkuasa negara

Dalam persekitaran tekanan inflasi yang semakin naik dan pertumbuhan yang secara umumnya memberangsangkan pada separuh pertama tahun 2007, **pihak berkuasa monetari** di kebanyakan negara perindustrian utama dan serantau terus cenderung untuk mengetatkan dasar monetari dalam tempoh ini. Federal Reserve Board (Fed) AS mengekalkan kadar faedah dasar pada paras yang tinggi sedikit daripada paras neutral sepanjang bahagian awal tahun 2007. Namun begitu, kegawatan pasaran kewangan yang bermula pada bulan Ogos berserta tanda-tanda permintaan dalam negeri yang merosot dengan ketara dalam keadaan pasaran perumahan yang semakin lemah, telah menyebabkan peralihan yang ketara kepada dasar monetari yang lebih longgar. Kadar diskaun dikurangkan pada mulanya pada bulan Ogos dan kemudiannya diikuti dengan penurunan kadar federal funds bermula pada bulan September. Secara keseluruhannya, Fed telah mengurangkan kadar federal funds sebanyak 100 mata asas dalam tempoh lima bulan terakhir tahun 2007. Bank of England juga telah melonggarkan dasar monetari pada bulan Disember 2007 bagi menyokong pertumbuhan apabila kegawatan pasaran kewangan meningkat, setelah mengetatkan dasar itu pada tiga suku pertama tahun itu. Dalam kawasan euro, peningkatan inflasi menyebabkan European Central Bank (ECB) mengetatkan dasar monetarinya pada separuh tahun pertama untuk membendung tekanan inflasi, tetapi mengekalkan kadar dasarnya selepas itu kerana hendak menilai kesan perkembangan kewangan yang tidak menentu terhadap pertumbuhan. Di rantau Asia, RR China, China Taipei, Korea dan India juga telah

mengetatkan dasar monetari untuk membendung inflasi. Namun begitu, Filipina, Thailand dan Indonesia mengurangkan kadar faedah pada tahun 2007 untuk merangsang permintaan dalam negeri memandangkan kadar inflasi telah menurun ke paras dalam atau di bawah julat sasaran kerajaan.

Dalam **pasaran kewangan**, pasaran ekuiti terutama dalam ekonomi sedang pesat membangun pada umumnya memberangsangkan pada separuh pertama tahun 2007. Oleh itu, banyak pasaran ekuiti di rantau ini mencatat tahap tertinggi, disokong oleh aliran masuk modal yang kukuh dan sikap optimis terhadap prospek pertumbuhan rantau ini. Walau bagaimanapun, tekanan yang lebih meluas kesan daripada masalah sektor gadai janji subprima AS mula menjadi bertambah buruk pada separuh kedua tahun 2007. Institusi kewangan, terutama di AS, telah mengambil langkah menurunkan nilai sekuriti berkaitan subprima dan berusaha membaiki kedudukan kewangan mereka melalui usaha penambahan modal. Institusi kewangan di rantau Asia pula tidak begitu terjejas kerana tidak banyak pendedahan langsung kepada pasaran berkaitan subprima. Namun begitu, ketidakpastian dan kebimbangan yang semakin meningkat mengenai masalah dalam pasaran kewangan global dan keadaan ekonomi global telah membawa kepada bertambahnya ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti serantau, terutama pada akhir tahun 2007.

Dalam **pasaran pertukaran mata wang asing**, dolar AS susut nilai pada umumnya berbanding dengan semua mata wang utama dan serantau pada tahun 2007. Kelemahan dolar disebabkan terutamanya oleh bezaan kadar faedah yang kurang berpihak kepadanya dan prestasi ekonomi negara-negara perindustrian dan ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang lebih baik berbanding dengan AS. Di samping pertumbuhan yang lebih menggalakkan di kawasan euro pada tahun 2007, mata wang euro juga disokong oleh langkah ECB menaikkan kadar faedah ke tahap tertinggi dalam tempoh enam tahun. Paun sterling juga menambah nilai berbanding dengan dolar terutamanya pada separuh tahun pertama disebabkan prestasi ekonomi United Kingdom yang lebih kukuh. Sementara itu, yen Jepun meningkat dengan ketara berbanding dengan dolar pada separuh kedua tahun 2007 disebabkan kesan daripada pelupusan kedudukan *carry trade* ekoran keberatan mengambil risiko berikutan krisis subprima tersebut. Di rantau Asia, kebanyakan mata wang juga menambah nilai pada tahun 2007 berbanding dengan dolar, kecuali rupiah Indonesia dan won Korea. Mata wang serantau menjadi kukuh disebabkan oleh pelaburan langsung dan aliran masuk portfolio ke rantau ini serta lebihan dagangan yang besar dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh.

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan yang kukuh, berkembang sebanyak 6.3% pada tahun 2007. Perkembangan ekonomi dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh meskipun persekitaran luar negeri yang lemah membawa kepada penyederhanaan dalam pertumbuhan eksport. Aktiviti penggunaan dan pelaburan berkembang dengan kukuh sepanjang tahun itu. Penggunaan swasta mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2000, dirangsang oleh kenaikan pendapatan boleh guna berikutan harga komoditi yang tinggi, kenaikan gaji sektor awam dan swasta, serta keadaan pasaran pekerja yang memberangsangkan. Pelaburan yang kukuh dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, pembinaan dan industri minyak dan gas, di samping sentimen perniagaan yang positif, menyokong pengembangan pelaburan swasta. Ini terus diperkukuh oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang besar.

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan yang kukuh, berkembang sebanyak 6.3% pada tahun 2007. Perkembangan ekonomi dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh meskipun persekitaran luar negeri yang lemah

Pencapaian pertumbuhan yang lebih kukuh ini mencerminkan faedah yang diperoleh daripada asas ekonomi yang lebih pelbagai, yang menguatkan lagi daya tahan ekonomi kepada persekitaran luaran. Sementara sumbangan sektor perkilangan kekal tinggi, peralihan struktur ekonomi sejak beberapa tahun kebelakangan ini ialah ke arah sektor perkhidmatan, yang menjadi peneraju utama pertumbuhan. Justeru, sektor

perkhidmatan menerajui pertumbuhan pada tahun 2007, disokong oleh aktiviti permintaan dalam negeri dan pertumbuhan baharu dalam bidang kewangan, perkhidmatan perniagaan dan komunikasi. Peningkatan semula sektor pembinaan untuk mencatat pertumbuhan positif setelah menguncup selama tiga tahun berturut-turut, serta pemulihan dalam sektor perlombongan menambahkan lagi rangsangan kepada pertumbuhan. Sebaliknya, sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, kesan daripada penurunan dalam pengeluaran dan eksport keluaran elektronik dan elektrik, khususnya pada separuh tahun pertama, ekoran permintaan luaran yang lemah. Walau bagaimanapun, mencerminkan secara relatifnya struktur sektor perkilangan yang meluas, pertumbuhan sektor perkilangan secara keseluruhan terus disokong oleh pertumbuhan mampan dalam industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber.

Keadaan pasaran pekerja teguh pada tahun 2007 disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Secara efektifnya, ekonomi negara berada pada tahap guna tenaga penuh, dengan kadar pengangguran terus rendah pada 3.3%. Pada tahun itu, permintaan terhadap pekerja meningkat, sementara hanya sedikit pemberhentian pekerja dicatat. Keutuhan keadaan pasaran pekerja telah menyebabkan sedikit tekanan terhadap kenaikan upah. Walau bagaimanapun, tekanan upah terhadap inflasi dapat dibendung disebabkan produktiviti pekerja bertambah baik.

Prestasi ekonomi yang kukuh dicapai dalam persekitaran inflasi yang secara relatifnya rendah. Pada keseluruhannya, kadar inflasi meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 2% pada tahun 2007, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga bagi kategori makanan dan minuman. Harga makanan dalam negeri sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kenaikan harga bahan makanan global, yang disokong oleh faktor-faktor struktur dan kitaran. Walau bagaimanapun, kesan sampingan kenaikan harga global terhadap harga dalam negeri sebahagiannya dikurangkan oleh pelbagai langkah dasar yang diambil oleh pihak berkuasa dan faktor dalam negeri, seperti persekitaran bagi perniagaan runcit yang lebih kompetitif. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat pada separuh tahun kedua apabila momentum penggunaan swasta terus bertambah, sementara tekanan daripada harga makanan dan komoditi juga meningkat.

Kedudukan luaran kukuh pada tahun 2007, disokong terutamanya oleh lebihan dagangan yang besar, ekoran pertumbuhan eksport komoditi yang kukuh dan pertumbuhan berterusan dalam eksport barangan perkilangan bukan elektronik dan keluaran elektrik (electronics and electrical products, E&E). Aliran keluar bersih yang sederhana dalam akaun kewangan turut menyumbang kepada kedudukan luaran yang bertambah baik. Buat pertama kali, akaun perkhidmatan mencatat lebihan terutamanya melalui perolehan pelancongan dan pengangkutan yang lebih tinggi. Aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) dan pelaburan portfolio terus meningkat, mencerminkan prospek ekonomi dan keyakinan pelabur yang bertambah baik.

Prestasi pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2007 menjanakan momentum ekonomi yang ketara dan transformasi struktur yang berterusan mengukuhkan lagi asas makroekonomi Malaysia pada tahun itu. Sektor isi rumah dan korporat yang berdaya tahan, sistem perbankan yang kukuh, pengurusan fiskal yang berhemat, lebihan akaun dagangan yang besar serta rizab antarabangsa yang tinggi, meletakkan ekonomi negara pada kedudukan yang lebih baik untuk mengharungi ketidaktentuan sekiranya berlaku penurunan pertumbuhan ekonomi global yang lebih ketara dan peningkatan turun naik pasaran kewangan.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI

Permintaan dalam negeri, khususnya aktiviti sektor swasta, menerajui pertumbuhan ekonomi pada tahun 2007, dalam persekitaran permintaan luaran yang sederhana. **Permintaan dalam negeri** meningkat dengan kukuh sebanyak 10.5% pada tahun 2007 (2006: 7%), didorong terutamanya oleh pengembangan memberangsangkan dalam

Permintaan dalam negeri kukuh didorong terutamanya oleh pengembangan teguh dalam aktiviti sektor swasta

penggunaan dan pelaburan swasta. Perbelanjaan pengguna terus meningkat, disokong oleh peningkatan teguh dalam pendapatan boleh guna,

Jadual 1.2: Malaysia – Penunjuk Ekonomi Utama

	2005	2006	2007*a*	2008*r*
Penduduk (juta orang)	26.1	26.6	27.2	27.7
Tenaga kerja (juta orang)	11.3	11.5	11.8	12.0
Guna tenaga (juta orang)	10.9	11.2	11.4	11.6
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.5	3.3	3.3	3.2
Pendapatan Per Kapita (RM)	18,966	20,841	23,103	24,651
(USD)	5,008	5,681	6,721	7,596[7]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2000[1]	5.0	5.9	6.3	5.0 - 6.0
(RM bilion)	447.8	474.4	504.4	531.9
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2.6	5.2	2.2	3.4
Perlombongan dan kuari	-1.3	-0.4	3.2	6.0
Perkilangan	5.3	7.1	3.1	1.8
Pembinaan	-1.8	-0.5	4.6	5.5
Perkhidmatan	6.7	7.2	9.7	7.7
PNK nominal	10.2	12.0	13.1	8.9
(RM bilion)	495.5	555.2	627.8	683.6
PNK benar	5.2	7.1	7.3	4.8
(RM bilion)	423.7	453.8	486.7	510.0
Permintaan agregat benar[2]	7.3	7.0	10.5	5.6
Perbelanjaan swasta[2]	7.6	7.0	11.8	6.5
Penggunaan	8.7	7.1	11.7	6.5
Pelaburan	3.3	7.0	12.3	6.3
Perbelanjaan awam[2]	6.6	6.8	7.2	3.5
Penggunaan	6.4	5.0	6.4	6.0
Pelaburan	6.8	8.9	8.0	0.5
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	36.5	38.2	37.8	36.7
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Barangan	125.6	134.6	128.1	131.1
Eksport (f.o.b.)	537.0	589.7	605.8	617.0
Import (f.o.b.)	411.4	455.2	477.7	485.9
Imbangan perkhidmatan	-9.0	-6.9	1.0	1.0
(% daripada PNK)	-1.8	-1.2	0.2	0.1
Pendapatan, bersih	-23.9	-17.4	-13.7	-16.1
(% daripada PNK)	-4.8	-3.1	-2.2	-2.4
Pindahan semasa, bersih	-17.0	-16.9	-16.1	-17.7
Imbangan akaun semasa[3]	75.7	93.4	99.3	98.3
(% daripada PNK)	15.3	16.8	15.8	14.4
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[4]	265.2	290.4	335.7	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	7.7	7.8	8.4	-
HARGA (% perubahan)				
IHPG (2005=100)[5]	3.0	3.6	2.0	2.5 - 3.0
IHPK (2000=100)[6]	5.9	5.1	6.7	-
Upah benar bagi setiap pekerja di sektor perkilangan	-0.02	-1.4	1.9	-

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

[1] Mulai 2007, KDNK benar telah di semak semula kepada harga tahun 2000, daripada harga tahun 1987 sebelum ini.

[2] Tidak termasuk stok

[3] Data untuk tahun 2007 ialah anggaran

[4] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan keuntungan/kerugian penilaian tersebut telah diambil kira dalam akaun Bank

[5] Bermula 2006, Indek Harga Pengguna telah disemak semula kepada tahun asas 2005=100 daripada 2000=100

[6] Bermula 2006, Indek Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2000=100 daripada 1989=100

[7] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2008

a Awalan

r Ramalan

Jadual 1.3: Malaysia – Penunjuk Kewangan dan Monetari

	2005	2006	2007*a*
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)			
Hasil	106.3	123.6	139.9
Perbelanjaan mengurus	97.7	107.7	123.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	27.3	35.0	37.5
Imbangan keseluruhan	-18.7	-19.1	-20.7
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-3.6	-3.3	-3.2
Jumlah perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam	66.1	86.5	103.2
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	1.4	-0.3	-2.6
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	197.7	184.5	187.4
Hutang jangka sederhana dan panjang	150.7	141.7	133.0
Hutang jangka pendek[1]	47.0	42.8	54.5
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	5.4	4.8	3.8
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.2	4.5	3.4

	Perubahan 2005		Perubahan 2006		Perubahan 2007	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
WANG DAN PERBANKAN						
Bekalan wang M1	9.8	8.5	17.0	13.7	27.6	19.6
M3	51.6	8.3	87.5	13	72.5	9.5
Deposit sistem perbankan	69.0	11.1	119.3	17.2	56.5	7.0
Pinjaman sistem perbankan[2]	44.2	8.6	34.9	6.3	51.2	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)	77.5%		70.5%		72.2%	
Nisbah pembiayaan-deposit[3]	85.7%		79.0%		80.8%	

	2005	2006	2007
	%	%	%
KADAR FAEDAH (PURATA PADA AKHIR TAHUN)			
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.50	3.50
Kadar Antara Bank			
1 bulan	2.84	3.54	3.56
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	3.02	3.19	3.15
12 bulan	3.70	3.73	3.70
Deposit tabungan	1.41	1.48	1.44
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)	6.20	6.72	6.72
Bil Perbendaharaan (3 bulan)	2.96	3.23	3.41
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)	3.30	3.55	3.53
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)	3.73	3.70	3.78
KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING			
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)			
Perubahan berbanding SDR	8.9	1.8	1.7
Perubahan berbanding USD[4]	0.5	7.0	6.8

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

[3] Dilaraskan untuk merangkumi sekuriti hutang swasta

[4] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005

a Awalan

Rajah 1.3
Agregat Permintaan Dalam Negeri Benar



pasaran pekerja yang kukuh dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Aktiviti pelaburan swasta terus kukuh dengan tahap perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan serta aktiviti huluan minyak dan gas. Sementara itu sektor awam terus menyokong pertumbuhan berikutan pelaksanaan projek-projek dan langkah-langkah meningkatkan infrastruktur dan sistem penyampaian sektor awam.

Penggunaan swasta meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 11.7% pada tahun 2007 (2006: 7.1%). Aktiviti perbelanjaan pengguna yang kukuh dicerminkan melalui prestasi yang menggalakkan bagi penunjuk penggunaan utama, seperti import barangan penggunaan, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan untuk tujuan penggunaan dan perbelanjaan kad kredit. Perbelanjaan isi rumah

Rajah 1.4
PNK per Kapita



disokong oleh kenaikan teguh dalam pendapatan boleh guna dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Harga komoditi yang lebih tinggi, khususnya harga minyak sawit mentah dan getah, mendorong kepada kenaikan pendapatan boleh guna isi rumah di kawasan luar bandar. Purata pendapatan bulanan peneroka FELDA di bawah skim kelapa sawit meningkat dua kali ganda kepada RM2,800 sebulan (2006: RM1,386; 2001: RM700 sebulan), manakala pekebun kecil getah secara purata memperoleh RM3,495 sebulan pada tahun 2007 (2006: RM3,486; 2001: RM650). Di samping itu, peningkatan pelarasan gaji bagi kakitangan awam antara 7.5% hingga 35% terus memperkukuh penggunaan pada separuh tahun kedua. Perkembangan positif dalam pasaran pekerja seperti peningkatan jawatan kosong dan penurunan pemberhentian pekerja, di samping prestasi pasaran ekuiti yang kukuh terus menyemarakkan lagi sentimen pengguna.

Pada tahun 2007, persekitaran kadar faedah yang rendah dan akses kepada kredit memberikan sokongan kepada perbelanjaan isi rumah. Pinjaman terkumpul isi rumah meningkat 7.5% pada tahun 2007, didorong terutamanya oleh pinjaman pembelian harta kediaman dan barangan pengguna tahan lama. Walau bagaimanapun, tiada tanda-tanda menunjukkan peningkatan kelemahan kedudukan kewangan isi rumah. Nisbah hutang isi rumah berbanding dengan aset merosot kepada 46.0% (2006: 49%), manakala nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bagi isi rumah susut kepada 5.3% (2006: 7.1%). Selain itu, nisbah NPL bagi harta kediaman, sewa beli dan kad kredit adalah lebih rendah, masing-masing pada 7.2%, 2.6% dan 2.5% (2006: masing-masing pada 8.8%, 4.2%, dan 3.7%).

Pelaburan swasta terus meningkat pada tahun 2007, mencatat kadar pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 12.3% (2006: 7%). Aktiviti perbelanjaan modal dalam kebanyakan sektor ekonomi, khususnya perkilangan, perkhidmatan, pembinaan dan perlombongan, terus bertambah giat. Indeks Keadaan Perniagaan (Business Conditions Index, BCI) Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) kekal pada nilai ambang di atas 100 mata sepanjang tahun, menandakan sentimen perniagaan yang positif. Di samping itu, aliran masuk FDI kasar sebanyak RM46.1 bilion pada tahun 2007 (2006: RM37.3 bilion), terutamanya ke dalam sektor perkilangan, dan minyak dan gas, terus mencerminkan iklim

pelaburan yang menggalakkan. Kedudukan kewangan syarikat yang kukuh disebabkan oleh pendapatan korporat yang menggalakkan dalam beberapa tahun membolehkan syarikat-syarikat tersebut membiayai sebahagian besar perbelanjaan modal daripada sumber dalaman. Aktiviti pelaburan swasta juga terus disokong oleh keadaan pembiayaan yang menggalakkan. Pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan untuk perniagaan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang diterbitkan untuk membiayai aktiviti baharu terus meningkat pada tahun itu. Pinjaman yang dikeluarkan untuk perusahaan perniagaan meningkat 9.5%, manakala PDS yang diterbitkan untuk membiayai aktiviti baharu meningkat kepada RM31.8 bilion pada tahun 2007 (2006: RM21 bilion).

Pelaburan dalam sektor perkilangan kukuh pada tahun 2007, disokong terutamanya oleh perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan baharu. Kadar penggunaan kapasiti yang terus berada pada tahap tinggi juga menyokong pertambahan aktiviti perbelanjaan modal. Penunjuk utama seperti jentera yang diimport dan pinjaman yang dikeluarkan untuk sektor perkilangan, memperlihatkan peningkatan positif dalam pelaburan perkilangan. Pada tahun 2007, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) meluluskan 949 projek perkilangan bernilai RM59.9 bilion (2006: RM46 bilion), terutamanya untuk pelaburan dalam keluaran elektrik dan elektronik, keluaran petroleum dan industri keluaran logam asas. Lebih daripada separuh pelaburan yang diluluskan adalah projek yang disertai pelabur asing, memperlihatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Penyertaan asing terus penting dalam sektor elektronik, sebahagian besarnya disebabkan oleh rangkaian industri dan infrastruktur yang baik. Selain itu, pelaburan modal bagi setiap pekerja adalah lebih tinggi bagi projek-projek yang diluluskan. Ini menyokong peralihan secara beransur-ansur kepada projek-projek yang lebih intensif modal.

Perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan didorong terutamanya oleh aktiviti huluan yang teguh dalam sektor minyak dan gas, dan ini dicerminkan oleh aktiviti cari gali dan pengeluaran minyak telaga dalam yang kian pesat. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan berkembang terutamanya subsektor pengangkutan, berikutan pengembangan dalam kemudahan pengangkutan udara. Peningkatan kapasiti subsektor komunikasi

Rajah 1.5
Pelaburan dan Penggunaan Kapasiti



1/ Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

juga terbukti disebabkan oleh penambahbaikan sistem rangkaian yang berterusan. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam sektor pembinaan disokong oleh aktiviti yang kukuh dalam projek kediaman mewah dan pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kerajaan terus memainkan peranan penting menyokong dan menggalakkan aktiviti sektor swasta. Dalam Bajet 2007, Kerajaan mengurangkan kadar cukai korporat sebanyak dua mata peratusan dalam tempoh dua tahun, kepada 27% dan 26%, masing-masing pada tahun 2007 dan 2008. Ini dapat membantu mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan dan memberikan keupayaan yang lebih besar kepada syarikat untuk meningkatkan perbelanjaan modal.

Pelaburan awam meningkat pada kadar yang mapan sebanyak 8% pada tahun 2007 (2006: 8.9%). Perbelanjaan pembangunan awam terus menyokong pertumbuhan, dengan perbelanjaan besar disalurkan kepada projek-projek untuk menambahbaikkan lagi sektor ekonomi dan perkhidmatan sosial negara serta mengurangkan jurang perbezaan antara luar bandar dengan bandar, dan juga antara wilayah. Bagi sektor ekonomi, perbelanjaan adalah terutamanya untuk menambah baik dan meningkatkan infrastruktur perindustrian dan utiliti awam, meningkatkan sistem pengangkutan dan menambah kecekapan pengeluaran pertanian. Bagi sektor perkhidmatan sosial, perbelanjaan pembangunan terus menumpu pada penyediaan perkhidmatan penting, iaitu pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan.

Yang penting, perbelanjaan pembangunan projek perumahan dan kemudahan penjagaan kesihatan dipercepatkan pada tahun itu. Di samping itu, komitmen Kerajaan untuk membangunkan modal insan terbukti menerusi perbelanjaan yang tinggi untuk memperkasakan institusi pengajian tinggi.

Perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) terus tinggi pada tahun 2007, sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti cari gali dan pengeluaran dalam sektor huluan minyak dan gas oleh PETRONAS. Di samping itu, program pengembangan kapasiti dan program peningkatan dalam sektor pengangkutan, utiliti dan komunikasi juga menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan PABK. Tenaga Nasional Berhad terus berbelanja dalam penambahbaikan sistem penjanaan kuasa dan transmisi untuk memenuhi permintaan terhadap elektrik yang makin meningkat. Perbelanjaan modal dalam sektor komunikasi ditumpukan terutamanya pada penambahbaikan kemudahan dalam bidang perkhidmatan jalur lebar. Sementara itu, pelaburan dalam sektor pengangkutan oleh pihak berkuasa pelabuhan dan pengendali kereta api sebahagian besarnya adalah langkah untuk meningkatkan dan mengembangkan kapasiti.

Penggunaan awam meningkat dengan teguh sebanyak 6.4% pada tahun 2007 (2006: 5%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam emolumen dan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi bekalan, perkhidmatan dan pertahanan. Peningkatan perbelanjaan emolumen lebih ketara pada separuh tahun kedua berikutan pelarasan gaji kakitangan awam yang meningkat antara 7.5% hingga 35%. Sementara itu, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang meningkat sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan berterusan jentera pentadbiran sektor awam, dan penyenggaraan bangunan dan lekapan.

Walaupun perbelanjaan awam lebih tinggi, tabungan sektor awam meningkat kepada RM83.8 bilion pada tahun 2007 atau 13.3% daripada pendapatan negara kasar (PNK), dengan sumber utama peningkatan adalah daripada lebihan kendalian PABK yang besar. Peningkatan ini disebabkan oleh penjanaan aliran tunai lebih tinggi hasil daripada harga komoditi yang tinggi dan pendapatan eksport yang kukuh. Sementara itu, tabungan sektor swasta terus tinggi pada RM153.4 bilion atau 24.4% daripada PNK pada tahun 2007

Rajah 1.6
Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



(23.2% daripada PNK pada tahun 2006), mencerminkan kedudukan kewangan isi rumah yang kukuh. Deposit individu dalam sektor perbankan meningkat kepada RM330.6 bilion pada tahun itu (2006: RM299.1 bilion). Secara keseluruhan, **tabungan negara kasar** (gross national savings, GNS) terus meningkat sebanyak 11.9% kepada RM237.1 bilion dan bahagian GNS terus tinggi pada 37.8% daripada PNK (2006: 38.2%). Walaupun pelaburan sektor awam dan swasta lebih tinggi, peningkatan yang kukuh dalam GNS mendorong kepada lebihan tabungan pelaburan sebanyak RM99.3 bilion atau 15.8% daripada PNK pada tahun 2007.

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Pertumbuhan pada tahun 2007 adalah menyeluruh, mencerminkan pengembangan dalam kesemua sektor utama ekonomi. Pertumbuhan diterajui oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan dan disokong oleh sektor pembinaan dan perlombongan. Mencerminkan kepentingan sektor perkhidmatan yang makin meningkat sebagai penyumbang kepada pertumbuhan, sektor itu yang mencatat pertumbuhan sebanyak 9.7%, mencakupi lima mata peratusan daripada jumlah pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2007. Setelah tiga tahun mengalami kemerosotan, sektor pembinaan meningkat semula untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6%, didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam yang mendapat faedah daripada pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan dalam sektor minyak dan gas. Sektor perlombongan juga mencatat prestasi yang bertambah baik diterajui oleh pengeluaran minyak

mentah yang meningkat berikutan bermulanya pengeluaran telaga minyak Kikeh. Sementara itu, sektor perkilangan dan pertanian mencatat pengembangan sederhana pada tahun 2007. Sektor perkilangan dibelenggu oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lemah, khususnya keluaran elektronik dan elektrik, disebabkan persekitaran permintaan luaran yang lembap, manakala sektor pertanian mengalami pengeluaran minyak sawit mentah dan getah yang lebih rendah.

Sektor Perkhidmatan

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, **sektor perkhidmatan** muncul sebagai pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi. Sektor ini menjadi penyumbang paling penting, berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 6.8% antara tahun 2003 hingga tahun 2007 dan melebihi pertumbuhan KDNK benar purata sebanyak 6%. Sejak dua tahun yang lalu, pertumbuhan meningkat dengan pesat melebihi 7%, disokong oleh permintaan dalam negeri dan aktiviti pelancongan yang kukuh. Jumlah pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bagi sektor perkhidmatan meningkat 17.8% kepada RM65.4 bilion pada tahun 2007 (2006: RM55.5 bilion), mencerminkan pertumbuhan yang kukuh dalam sektor ini.

Yang penting, prestasi sektor perkhidmatan yang kukuh adalah menyeluruh, dengan pendorong utama ialah subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; kewangan dan insurans; komunikasi; dan perdagangan borong dan runcit. Gabungan kesemua subsektor ini mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 7.7% dalam tempoh 2003–2007. Perkembangan penting ialah penonjolan bidang pertumbuhan baharu dalam sektor perkhidmatan yang sebahagian besarnya adalah aktiviti berintensif ilmu pengetahuan, seperti

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan paling tinggi dalam tempoh sepuluh tahun, mencerminkan pengembangan yang menyeluruh

telekomunikasi, kewangan Islam, perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (SSO), dan perkhidmatan teknologi maklumat. Prestasi kukuh subsektor-subsektor ini disebabkan oleh kenaikan dalam permintaan dan perubahan pilihan pengguna sejajar dengan tahap pendapatan yang bertambah baik, di samping mendapat sokongan melalui inisiatif dasar yang merangsang bidang-bidang ini. Dengan mengambil kira perkembangan ini, sektor perkhidmatan telah membina kekuatan dalamannya sendiri dan semakin kurang bergantung pada prestasi sektor lain.

Jadual 1.4
Prestasi Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan pada 2003-2007 (pada harga malar tahun 2000)

	2002	2007*a*	2003-2007
	RM juta		CAGR[1] (%)
Jumlah KDNK	**377,559**	**504,408**	**6.0**
Perkhidmatan	**193,500**	**269,276**	**6.8**
Perkhidmatan pengantara	**82,833**	**117,564**	**7.3**
Kewangan dan insurans	38,549	53,726	6.9
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	16,843	26,061	9.1
Pengangkutan dan penyimpanan	14,637	18,942	5.3
Komunikasi	12,805	18,834	8.0
Perkhidmatan akhir	**110,666**	**151,712**	**6.5**
Perdagangan borong dan runcit	42,433	61,511	7.7
Penginapan dan restoran	8,553	11,515	6.1
Elektrik, gas dan air	11,759	15,137	5.2
Perkhidmatan Kerajaan	24,816	34,890	7.1
Perkhidmatan lain	23,105	28,659	4.4

a Awalan
[1] Kadar pertumbuhan tahunan kompaun
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5
Bidang Sedang Pesat Membangun dalam Sektor Perkhidmatan

	Pada akhir	
	2006	2007*a*
Kewangan Islam		
Bank-bank Islam yang beroperasi	10	11
Syarikat takaful yang beroperasi	8	9*
Perkhidmatan IT dan SSO[1]		
Jumlah syarikat MSC yang diluluskan	1,728	1,994
Jumlah pelaburan persendirian yang diluluskan untuk MSC (RM bilion)	21.2	24.9
Jumlah Ibu Pejabat Operasi	133	150
Jumlah Pusat Perolehan Antarabangsa	191	203
Jumlah Pusat Pengedaran Serantau	17	18
Pengajian Tinggi Swasta		
Jumlah institut pengajian tinggi swasta (IPTS)	515	525
Jumlah pelajar di IPTS (Bagi tahun)	323,787	308,978
Jumlah pelajar asing di IPTS (Bagi tahun)	36,449	33,604
Kesihatan Swasta		
Jumlah hospital swasta	210	195
Jumlah hospital swasta yang terlibat dalam promosi pelancongan kesihatan	35	35

[1] Perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga
a Awalan
* Termasuk satu syarikat retakaful yang mula beroperasi pada 2007

Sumber: Perbadanan Pembangunan Multimedia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan meneruskan momentum pertumbuhan kukuh pada tahun 2007, dengan pengembangan sebanyak 9.7%, kadar pertumbuhan tertinggi sejak tahun 1997. Sektor ini menyumbang lima mata peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK yang sebanyak 6.3%, lantas menjadikan sumbangannya kepada jumlah KDNK naik kepada 53.4% pada tahun 2007 (2006: 51.8%). Pertumbuhan ini didukung oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan disokong seterusnya oleh aktiviti berkaitan dengan pelancongan. Peningkatan pendapatan yang teguh dengan harga komoditi yang tinggi dan semakan terhadap gaji kakitangan awam, di samping aktiviti pasaran modal yang kukuh dan aktiviti pelancongan yang lebih giat hasil daripada Tahun Melawat Malaysia 2007, mendorong permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan pada tahun itu. Pertumbuhan dalam subsektor perkhidmatan baharu, seperti kewangan Islam dan perkhidmatan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) juga adalah hasil daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti ini.

Permintaan dalam negeri yang kukuh telah menyokong pertumbuhan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit; penginapan dan restoran; dan subsektor perkhidmatan lain. Subsektor **perdagangan borong dan runcit**, yang meningkat dengan kukuh sebanyak 12.2%, mendapat faedah daripada pengembangan yang kukuh dalam aktiviti penggunaan swasta pada tahun itu. Sementara itu, subsektor **penginapan dan restoran** disokong oleh aktiviti pelancongan yang meningkat, berikutan peningkatan mendadak dalam ketibaan pelancong asing sebanyak 19.5% dan pelancongan dalam negeri yang kukuh. Hasilnya, kadar penghunian hotel purata naik kepada 70% berbanding dengan 65.5% pada tahun 2006. Didorong oleh kekukuhan perbelanjaan pengguna dan ketibaan pelancong, kira-kira 31 buah kompleks membeli-belah baharu

Jadual 1.6
Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2000

	2006	2007*a*	2006	2007*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada KDNK (%)	
Perkhidmatan	**7.2**	**9.7**	**51.8**	**53.4**
Perkhidmatan pengantara	7.6	12.0	22.1	23.3
Kewangan dan insurans	7.7	10.7	10.2	10.7
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	9.9	20.6	4.6	5.2
Pengangkutan dan penyimpanan	5.2	10.2	3.6	3.8
Komunikasi	6.8	6.9	3.7	3.7
Perkhidmatan akhir	7.0	7.9	29.6	30.1
Perdagangan borong dan runcit	7.1	12.2	11.6	12.2
Penginapan dan restoran	6.0	10.9	2.2	2.3
Elektrik, gas dan air	5.2	4.0	3.1	3.0
Perkhidmatan Kerajaan	9.8	4.2	7.1	6.9
Perkhidmatan lain	4.7	5.0	5.8	5.7

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.7
Prestasi Subsektor Kewangan dan Insurans Berbanding dengan Penunjuk Berkaitan



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

telah dibuka pada tahun 2007. Hanya aktiviti perdagangan edaran dalam sektor automotif terus lembap, khususnya pada separuh tahun pertama, disebabkan oleh pasaran kereta terpakai yang lemah. Sementara itu, kenaikan pendapatan boleh guna mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, penjagaan kecantikan, aktiviti berkaitan hiburan dan pendidikan swasta, yang menyumbang kepada pengembangan yang mampan dalam subsektor **perkhidmatan lain** pada tahun 2007.

Perkembangan yang ketara pada tahun 2007 ialah pertumbuhan kukuh dalam subsektor kewangan dan insurans; dan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, yang meningkat masing-masing sebanyak 10.7% dan 20.6%. Gabungan sumbangan daripada kedua-dua subsektor ini kepada keseluruhan KDNK naik hampir 16% menjelang akhir tahun 2007, dengan subsektor **kewangan dan insurans** mencakupi bahagian yang lebih tinggi sebanyak 10.7%. Pertumbuhan didorong oleh aktiviti pengantaraan bank dan aktiviti berasaskan fi yang meningkat. Hasil berasaskan fi meningkat dengan kukuh sebanyak 33% disokong oleh aktiviti penajajaminan dan khidmat nasihat korporat serta inovasi produk dan perkhidmatan dalam pengurusan kekayaan dan portfolio, perkhidmatan pengiriman wang dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan.

Pertumbuhan dalam segmen kewangan juga disokong oleh pengembangan dalam kewangan Islam. Inisiatif di bawah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) mendapat momentum dengan kelulusan yang diberikan kepada bank-bank Islam untuk menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa. Sebuah bank Islam milik asing dan dua pengendali takaful (termasuk sebuah syarikat pengendali takaful semula) memulakan operasi pada tahun 2007, menjadikan jumlah 11 buah bank Islam dan sembilan buah pengendali takaful yang beroperasi. Pada tahun 2007, Sukuk yang diluluskan berjumlah RM121 bilion, meningkat pada kadar tahunan sebanyak 189%. Sementara itu, pengenalan produk insurans berkaitan pelaburan dan produk insurans perubatan dan kesihatan yang baharu telah menyumbang kepada pertumbuhan segmen insurans.

Jadual 1.7
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2006	2007*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Utiliti		
Indeks pengeluaran elektrik	5.1	3.9
Perdagangan Borong & Runcit dan Penginapan & Restoran		
Kredit pengunaan yang dikeluarkan	-0.5	9.2
Ketibaan pelancong	6.8	19.5
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-11.1	-0.7
Kewangan & Insurans dan Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan		
Pinjaman yang terkumpul dalam sistem perbankan	6.3	8.6
Premium insurans	5.7	8.9
Urus niaga Bursa Malaysia (jumlah)	93.3	82.2
Pengangkutan & Penyimpanan dan Komunikasi		
Jumlah kontena dikendalikan di Pelabuhan Klang dan PTP (TEUs)	14.2	13.6
Jumlah penumpang di lapangan terbang	2.2	6.2
Kargo udara yang dikendalikan	5.7	-5.5
Trafik SMS	51.6	70.6
	%	
Kadar penembusan:		
- Internet 'dial-up'	14.0	14.3
- Jalur lebar	3.3	5.0
- Telefon bimbit	72.3	85.1
- Talian tetap	16.1	16.3

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Malaysia Airports Holdings Berhad; Senai Airport Terminal Sdn Bhd; Persatuan Automotif Malaysia; Bursa Malaysia Berhad; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; Kementerian Kewangan; PTP, Lembaga Pelabuhan Klang, Syarikat Prasarana Negara Berhad; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Bank Negara Malaysia.

Subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 20.6% pada tahun 2007. Secara khususnya, segmen perkhidmatan perniagaan disokong oleh aktiviti pembrokeran yang kukuh, sejajar dengan peningkatan urus niaga pasaran ekuiti. Pertumbuhan terus disokong oleh perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat termasuk SSO, serta perkhidmatan profesional dan perundingan yang muncul daripada aktiviti pembinaan, serta minyak dan gas yang kukuh. Pada tahun itu, 27 syarikat SSO baharu (termasuk 19 syarikat milik asing sepenuhnya) mula beroperasi di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC), menjadikan jumlah syarikat SSO dalam MSC sebanyak 123 (2006: 96 syarikat), sementara jumlah perbelanjaan dalam perkhidmatan teknologi maklumat berkembang 24.9%. Selain itu, aktiviti harta tanah juga mendapat momentum daripada urus niaga harta yang meningkat berikutan beberapa insentif yang diumumkan oleh Kerajaan, seperti pengecualian daripada Cukai Untung Harta Tanah (Real Property Gain Tax, RPGT) dan liberalisasi terhadap pemilikan harta tanah oleh orang asing.

Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** mencatat prestasi yang lebih baik disebabkan penambahbaikan dalam perkhidmatan pengangkutan udara dan sokongan seperti pengangkutan penghantaran dan gudang. Kadar perjalanan yang lebih tinggi dalam kalangan pelancong asing dan tempatan serta pengembangan agresif industri penerbangan, khususnya dalam segmen penerbangan tambang murah dengan pengenalan destinasi baharu dan kadar tambang yang kompetitif, terus merangsang pengangkutan udara berkaitan penumpang. Sementara itu, segmen pengangkutan air mendapat faedah daripada pengembangan pengangkutan eksport LNG dan kenaikan kadar tambang muatan.

Permintaan dalam negeri yang lebih kukuh menyokong pertumbuhan dalam subsektor **komunikasi,** mencerminkan penggunaan perkhidmatan suara dan data yang lebih tinggi serta peningkatan dalam bilangan pelanggan, khususnya dalam segmen selular. Keseluruhan hasil purata setiap pengguna (pelanggan pascabayar dan prabayar) meningkat 14.5% kepada RM63 pada tahun 2007 (2006: RM55). Perkembangan pesat dalam industri ICT dan pengembangan berterusan dalam perkhidmatan Internet dan jalur lebar di seluruh negara juga memberikan galakan kepada peningkatan dalam jumlah pelanggan bagi segmen Internet dan jalur lebar.

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 3.1% pada tahun 2007 (2006: 7.1%) apabila pertumbuhan dalam industri berorientasikan dalam negeri dan industri berasaskan sumber tertentu mengurangkan kesan kelembapan permintaan luaran terhadap keluaran elektronik dan elektrik (E&E). Industri berasaskan sumber seperti getah, petroleum, kimia dan keluaran kimia terus berkembang, disokong terutamanya oleh permintaan kukuh dari rantau Asia Pasifik. Begitu juga, industri berorientasikan dalam negeri telah mendapat faedah daripada pemulihan sektor

Asas sektor perkilangan yang pelbagai mengurangkan impak daripada kelembapan dalam industri elektronik dan elektrik

pembinaan dan pertumbuhan kukuh penggunaan swasta. Berdepan dengan persekitaran ini, kadar penggunaan kapasiti secara keseluruhan bagi sektor perkilangan terus stabil pada 76% dengan pengembangan dalam pelaburan serta penyenggaraan tetap loji dalam beberapa industri.

Jadual 1.8
Prestasi Sektor Perkilangan

	2006	2007
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**7.1**	**3.1**
Pengeluaran keseluruhan	**7.5**	**1.9**
- Industri berorientasikan eksport	**7.5**	**0.7**
antaranya:		
Elektronik dan keluaran elektrik	7.9	-0.9
Kimia dan keluaran kimia	3.2	1.8
Keluaran petroleum	13.6	5.4
Keluaran getah	7.2	5.9
Pemprosesan di luar estet	5.7	-0.5
- Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**7.2**	**6.8**
antaranya:		
Keluaran berkaitan pembinaan	3.2	5.0
Keluaran logam yang direka	26.5	19.4
Eksport	**10.1**	**0.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi sumbangan kepada KDNK keseluruhan, bahagian sektor perkilangan merosot sedikit kepada 30.2% (2006: 31.1%).

Walaupun pengeluaran keluaran E&E merosot, **industri berorientasikan eksport** terus berkembang meskipun pada kadar kecil sebanyak 0.7%. Prestasi **E&E** terjejas khususnya pada separuh tahun pertama akibat permintaan luaran yang lembap terhadap komputer dan alat ganti dari Amerika Syarikat (AS), dan pengeluaran separa konduktor yang lebih rendah kerana terdapat lebihan penawaran dalam pasaran separa konduktor global. Pada permulaan tahun, pelaburan dalam kelengkapan dan perisian yang perlahan oleh sektor korporat AS, terutamanya disebabkan oleh persekitaran perniagaan yang tidak menentu serta pelancaran tertangguh pek perkhidmatan (*service pack*) untuk sistem operasi baharu, telah menjejaskan pengeluaran segmen komputer dan alat ganti. Ini berlaku kerana lebih daripada separuh keluaran E&E ini dieksport ke AS. Namun begitu, pengeluaran komputer dan alat ganti menjadi positif pada separuh tahun kedua sejajar dengan pelaburan di AS dalam kelengkapan dan perisian yang bertambah baik.

Sementara itu, pengeluaran separa konduktor lebih rendah pada awal tahun kerana pengilang utama melaraskan lebihan inventori mereka dalam beberapa segmen. Pengeluaran kemudiannya meningkat secara beransur-ansur berikutan permintaan dari negara selain AS, khususnya dari kawasan euro, Jepun dan RR China, didorong oleh

Rajah 1.8
Kadar Penggunaan Kapasiti Sektor Perkilangan



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Bank Negara Malaysia

Rajah 1.9
Pengeluaran dan Eksport Elektronik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Persatuan Industri Separa Konduktor (SIA)

permintaan terhadap keluaran akhir segmen elektronik pengguna dan telekomunikasi. Sementara itu, prestasi segmen keluaran elektrik terus terjejas akibat peralihan daripada produk lama seperti televisyen tiub sinar katod dan pemain cakera padat video (video compact disc, VCD) kepada produk bernilai tambah yang lebih tinggi seperti televisyen paparan hablur cecair (liquid crystal display, LCD) definisi tinggi, perakam cakera video digital (digital video disc, DVD) dan pemain *Blu-ray*.

Industri E&E juga mengalami kemerosotan harga jualan purata bagi cip memori dan mikropemproses disebabkan persaingan sengit dalam kalangan pengeluar global utama. Dalam persekitaran yang lebih mencabar ini, pengilang E&E dalam negara terus meningkatkan nilai tambah mereka dengan mengeluarkan produk bernilai tambah yang lebih tinggi supaya kekal kompetitif. Ini termasuk mempergiat usaha penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti penggunaan perkhidmatan dalaman (*in-sourcing*) untuk syarikat berkaitan mereka di seluruh dunia.

Dalam industri berasaskan sumber, pertumbuhan pengeluaran sektor **keluaran getah** berterusan disebabkan prestasi segmen tayar dan tiub yang lebih baik yang telah mengimbangi pertumbuhan sederhana dalam pengeluaran sarung tangan getah. Pertumbuhan kukuh dalam subsektor tayar dan tiub disebabkan oleh langkah satu pengeluar utama meningkatkan nilai tambahnya dengan mengeluarkan tayar bernilai tambah yang lebih tinggi. Sementara itu,

pengeluaran sarung tangan getah menjadi sederhana pada separuh tahun kedua setelah mencatat prestasi yang kukuh pada awal tahun 2007, sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan harga input. Sektor **keluaran petroleum** terus mendapat manfaat daripada peningkatan pengeluaran gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG) disebabkan permintaan dalam negeri yang kukuh daripada sektor penjanaan kuasa dan industri berintensif tenaga seperti industri keluli, simen dan getah.

Dalam industri **kimia dan keluaran kimia**, walaupun keluaran kimia asas dan keluaran kimia lain mencatat peningkatan lebih kukuh, perkembangan ini terjejas oleh prestasi segmen keluaran plastik yang lebih lemah. Sektor kimia asas didorong oleh pengeluaran gas perindustrian yang lebih tinggi berikutan permintaan daripada industri berkaitan seperti keluli dan petrokimia yang menggunakan gas sebagai bahan bakar. Selain itu, pemulihan sektor pembinaan juga menyumbang kepada pertambahan permintaan terhadap gas perindustrian yang digunakan untuk kimpalan. Segmen keluaran kimia lain, khususnya farmaseutikal, kimia ubatan dan keluaran botani disokong oleh peningkatan permintaan luar negeri pada tahun itu. Sementara itu, pengeluaran keluaran plastik terjejas akibat permintaan yang lebih lemah daripada sektor E&E serta industri automotif. Kenaikan harga bahan mentah, khususnya resin, yang merupakan bahan terbitan minyak mentah, juga mempengaruhi pengeluaran keluaran plastik pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, pemulihan sektor automotif pada separuh tahun kedua membantu mengurangkan sebahagian daripada impak tersebut.

Rajah 1.10
Sektor Perkilangan: Pengeluaran, Eksport dan Jualan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.11
Industri Berkaitan Sektor Pembinaan Disokong oleh Permintaan Domestik dan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengeluaran industri **pemprosesan di luar estet** menguncup pada tahun itu, yang secara umumnya sejajar dengan prestasi aktiviti huluan minyak sawit mentah dan getah. Industri **tekstil dan pakaian** pula terjejas akibat permintaan luar negeri yang lebih lemah.

Pertumbuhan dalam **industri berorientasikan dalam negeri** disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh pada tahun itu. **Pengeluaran bahan berkaitan dengan pembinaan** meningkat sejajar dengan aktiviti dalam sektor pembinaan yang lebih giat. Pertumbuhan dalam industri-industri ini, khususnya besi dan keluli, serta simen diperteguh oleh permintaan yang kukuh dari negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Vietnam, yang terdapat aktiviti pembinaan yang giat. Pada masa yang sama, pengilang keluli tempatan juga meningkatkan eksport bagi mengambil peluang daripada harga antarabangsa yang lebih tinggi berbanding dengan harga dalam negeri. Aktiviti pembinaan yang kembali cergas juga mendorong permintaan yang lebih tinggi terhadap keluaran berkaitan logam yang direka seperti lekapan dan perabot logam.

Keluaran berkaitan dengan pengguna, seperti makanan, minuman dan tembakau bertambah baik berikutan penggunaan swasta yang kukuh. Satu

lagi perkembangan penting ialah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan industri makanan Halal telah mula membuahkan hasil dengan meningkatnya eksport makanan Halal ke pasaran Timur Tengah. Sementara itu, **segmen pengangkutan** terjejas oleh pasaran kereta terpakai yang terus lembap pada separuh tahun pertama. Namun, permintaan terhadap kenderaan bermotor baharu meningkat pada separuh tahun kedua, disokong oleh kenaikan pendapatan, pelancaran model-model kereta baharu dan akses berterusan kepada pembiayaan pada kadar yang kompetitif.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan **(sektor pertanian)** berkembang pada kadar sederhana sebanyak 2.2% pada tahun 2007, disokong oleh aktiviti berkaitan makanan, khususnya ternakan, padi dan sayur-sayuran. Prestasi kukuh dalam aktiviti berkaitan makanan lebih daripada mengimbangi prestasi lembap tanaman industri utama, iaitu minyak sawit mentah dan getah, yang mencakupi kira-kira 36% daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian. Kitaran menurun hasil pengeluaran dan keadaan cuaca yang tidak menentu merupakan penyumbang utama kepada prestasi tanaman-tanaman industri ini yang kurang menggalakkan pada tahun itu.

Sektor pertanian terus berkembang disokong terutamanya oleh aktiviti berkaitan makanan

Pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.4% kepada 15.8 juta tan pada tahun 2007. Ini merupakan kemerosotan pertama sejak tahun 1998 dan disebabkan oleh kitaran menurun hasil pengeluaran yang lazimnya berlaku setiap tiga hingga empat tahun. Hasil nasional purata, yang diukur melalui hasil tandan buah segar, merosot 2.9% kepada 19 tan sehektar pada tahun 2007. Pengeluaran juga terjejas akibat banjir di wilayah selatan Semenanjung pada awal tahun. Oleh itu, pengeluaran di Semenanjung secara keseluruhannya merosot 3.8%. Namun, kemerosotan ini sebahagiannya ditampung oleh pengeluaran lebih tinggi di Sabah dan Sarawak yang meningkat masing-masing sebanyak 2.9% dan 8.8%.

Jadual 1.9
Sektor Pertanian:
Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2006	2007*p*
	Perubahan Tahunan (%)	
Nilai ditambah	**5.2**	**2.2**
Tanaman industri	**4.1**	**0.4**
Pengeluaran antaranya:		
Minyak sawit mentah	6.1	-0.4
Getah	14.0	-6.4
Kayu balak	-4.7	-5.3
Biji koko	14.2	10.2
Tanaman makanan	**6.8**	**4.9**
Pengeluaran antaranya:		
Ikan	11.4	0.2
Ternakan[1]	18.0	9.9
Sayur-sayuran	3.8	8.6
Buah-buahan	5.3	-2.8
Eksport (RM juta)	**12.5**	**24.4**

[1] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lembaga Getah Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Malaysia
Jabatan Pertanian Malaysia

Satu perkembangan penting ialah kenaikan harga minyak sawit mentah (MSM) yang ketara sebanyak 62.6% untuk mencecah paras harga tertinggi dalam sejarah, iaitu RM2,472 setan pada tahun 2007. Ini didorong oleh permintaan terhadap minyak sawit yang kukuh, untuk

Rajah 1.12
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Rajah 1.13
Harga Minyak Sawit dan Stok



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

kegunaan sebagai minyak makan dan juga sebagai biobahan api (biofuel), yang menyebabkan harga MSM lebih berkait rapat dengan harga minyak mentah. Harga komoditi ini meningkat dengan ketara meskipun terdapat penambahan dalam stok sebanyak 11.6% kepada 1.68 juta tan pada tahun 2007. Dengan perkembangan ini, diskaun harga minyak sawit berbanding dengan minyak kacang soya dan minyak biji sesawi menurun masing-masing kepada USD101 setan dan USD189 setan (2006: masing-masing USD121 setan dan USD316 setan).

Pengeluaran **getah asli** menguncup 6.4% kepada 1.2 juta tan pada tahun 2007 disebabkan faktor cuaca. Keadaan cuaca yang lebih kering daripada biasa pada awal tahun telah mengakibatkan musim luruh yang teruk bagi pokok getah. Ini kemudiannya diikuti oleh hujan lebat yang kerap yang mengganggu aktiviti menoreh, khususnya di antara kalangan pekebun kecil. Pengeluaran yang lebih rendah ini juga dipengaruhi oleh pengurangan berterusan dalam kawasan penanaman getah. Pada tahun 2007, jumlah keluasan kawasan penanaman getah merosot 1.8% disebabkan kegiatan bertukar kepada tanaman lain, manakala kira-kira 98,300 hektar atau 9% daripada kawasan penanaman getah yang matang, terus terbiar. Dianggarkan bahawa sekiranya kesemua pokok di kawasan terbiar itu ditoreh, pengeluaran getah boleh meningkat kira-kira 9%. Meskipun pengeluaran berkurang, Malaysia terus merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar di dunia pada tahun 2007, selepas Thailand dan Indonesia.

Tanda aras harga getah Malaysia, SMR20, terus meningkat 3.9% kepada harga purata 737 sen sekilogram pada tahun 2007. Perkembangan harga getah pada tahun itu berkait rapat dengan harga minyak mentah dan getah tiruan. Sejajar dengan trend menaik harga minyak mentah, getah diniagakan pada 837 sen sekilogram pada akhir tahun 2007. Harga juga dipengaruhi oleh lonjakan dalam permintaan global, khususnya di RR China.

Prestasi subsektor **tanaman makanan** terus menggalakkan pada tahun 2007, dengan nilai ditambah berkembang 4.9% (2006: 6.8%). Pengeluaran dalam subsektor makanan bertambah berikutan bermulanya aktiviti penangkapan ikan tuna laut dalam oleh beberapa syarikat besar, dan juga aktiviti penternakan secara komersial.

Dalam subsektor **perhutanan**, aktiviti pembalakan terus merosot pada tahun 2007, dengan keluaran kayu balak menguncup 5.3%. Perkembangan ini sejajar dengan usaha pemuliharaan yang dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pengurusan hutan yang mampan. Berikutan usaha ini dan juga kemerosotan permintaan kayu balak dari Jepun, jumlah eksport kayu balak dan kayu siap digergaji menurun pada tahun itu. Pengurangan permintaan terhadap kayu balak dari Jepun disebabkan oleh perubahan yang mendadak dalam peraturan perumahan yang menjejaskan aktiviti pembinaan. Oleh itu, harga eksport kayu balak menurun 4% kepada RM455 semeter padu.

Rajah 1.14
Getah Asli: Pengeluaran, Harga dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi memastikan pengurusan hutan yang mampan dan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi aktiviti hiliran berkaitan kayu, Kerajaan telah mempergiat usaha untuk memperluas saiz ladang hutan, dengan sasaran seluas 270,000 hektar. Pada akhir tahun 2007, sebanyak 16 syarikat dikenal pasti untuk menyertai skim ini, melibatkan pembangunan 58,935 hektar ladang hutan, sebahagian besarnya kayu getah. Syarikat-syarikat tersebut menerima pinjaman mudah sebanyak RM267.6 juta daripada Kerajaan untuk melaksanakan aktiviti perladangan hutan.

Berikutan keadaan cuaca yang baik, pengeluaran **koko** meningkat kukuh sebanyak 10.2%, iaitu peningkatan bagi tahun kedua berturut-turut. Peningkatan dalam pengeluaran juga adalah hasil daripada kenaikan produktiviti, khususnya dalam kawasan di bawah Program Pemuliharaan Koko yang matang pada tahun 2007. Produktiviti nasional purata meningkat 18.3% kepada anggaran 1,204 kilogram sehektar (2006: 1,018 kilogram sehektar).

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan meningkat semula untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 3.2% pada tahun 2007 disebabkan pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi, dalam persekitaran harga tenaga yang lebih tinggi. Pertambahan pengeluaran minyak mentah adalah susulan bermulanya pengeluaran daripada telaga minyak laut dalam pertama Malaysia di Kikeh, Sabah, manakala peningkatan pengeluaran gas asli pula adalah hasil daripada pembukaan semula sebahagian daripada loji MLNG2 selepas kerja penambahbaikan pada tahun sebelumnya. Berikutan kenaikan harga tenaga pada tahun itu, perolehan eksport daripada mineral terus meningkat untuk mencakupi peratusan bahagian eksport kasar yang lebih besar sebanyak 10.1% (2006: 9.7%).

Sektor perlombongan meningkat semula ekoran pertambahan kapasiti pengeluaran dalam keadaan harga yang lebih tinggi

Pengeluaran **minyak mentah (termasuk kondensat**) berpurata 695,276 tong sehari pada tahun 2007, iaitu mencerminkan peningkatan sebanyak 4.3%. Pengeluaran yang lebih tinggi ini didorong terutamanya oleh pertambahan sebanyak 10.7% dalam keluaran minyak mentah di Sabah kepada 90,394 tong sehari berikutan bermulanya pengeluaran daripada telaga minyak Kikeh pada bulan Ogos 2007. Pengeluaran di Semenanjung Malaysia yang menyumbang kira-kira 55% daripada jumlah pengeluaran minyak mentah negara, meningkat 2.3% pada tahun 2007. Sementara itu, kondensat terus menyumbang dengan ketara kepada pengeluaran dengan mencakupi kira-kira 19% daripada jumlah pengeluaran minyak mentah negara.

Pengeluaran **gas asli** mengembang 1.4% kepada 5,854 juta kaki padu standard setiap hari (2006: -0.4%), disebabkan pembukaan semula saluran pencecairan gas di loji MLNG2 Sarawak selepas kerja-kerja peningkatan kapasiti. Hasilnya,

Jadual 1.10
Sektor Perlombongan:
Nilai Ditambah, Pengeluaran dan Eksport

	2006	2007*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**-0.4**	**3.2**
Pengeluaran		
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	-5.2	4.3
Gas asli	-0.4	1.4
Eksport	**8.6**	**7.5**

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.15
Pengeluaran Minyak Mentah dan Kondensat



a Awalan
Sumber: PETRONAS

Rajah 1.16
Harga Minyak Mentah (Niaga Hadapan 1 Bulan) pada Tahun 2007



pengeluaran gas asli di Sarawak yang mencakupi kira-kira 60% daripada jumlah pengeluaran di Malaysia, meningkat 4.7% (2006: -0.5%), terutamanya untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi dari Korea, iaitu salah sebuah negara pengimport LNG terbesar di dunia.

Pada tahun 2007, pasaran tenaga global terus dicorakkan oleh tekanan kenaikan harga yang kuat. Harga bagi gred minyak tanda aras Malaysia, Tapis Blend, mengukuh sebanyak 11.5% kepada purata USD76.46 setong, yang merupakan kenaikan untuk tahun keenam berturut-turut sejak tahun 2001. Harga Tapis Blend yang mencatat USD57.44 setong pada awal tahun, terus meningkat sepanjang tahun untuk mencecah paras tertinggi pada USD99.57 setong pada akhir tahun dan melepasi paras ambang psikologi

Rajah 1.17
Penawaran dan Permintaan Minyak Dunia



Sumber: International Energy Agency (IEA)

Jadual 1.11
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada 1 Januari	
	2006	2007*a*
Minyak mentah (termasuk kondensat)		
Jumlah rizab (bilion tong)	5.25	5.35
Rizab/Pengeluaran (tahun)	20	22
Gas asli		
Jumlah rizab (trilion kaki padu standard)	87.95	88.92
Rizab/Pengeluaran (tahun)	35	38

[1] Dasar Susutan Negara diperkenalkan pada 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih).

a Awalan

Sumber: PETRONAS

USD100 setong pada hari pertama perdagangan pada tahun 2008, pada USD101.40 setong.

Kenaikan harga ini berlaku dalam keadaan permintaan global yang kukuh dan penawaran yang ketat. Perkembangan penting pada tahun 2007 ialah permintaan minyak dunia (85.8 juta tong sehari) yang melebihi penawaran (85.5 juta tong sehari) didorong oleh pertumbuhan ekonomi global yang teguh, khususnya dalam negara-negara sedang pesat membangun. Harga turut dipengaruhi oleh penglibatan dana spekulatif dan pengurus aset dalam pasaran niaga hadapan minyak global dalam keadaan kebimbangan geopolitik berterusan di rantau pengeluar minyak utama pada tahun itu. Sejajar dengan perkembangan dalam harga minyak global, harga gas asli Malaysia juga naik 6.7% kepada RM1,154 setan.

Rizab minyak negara terus bertambah pada tahun 2007, kepada 5.35 bilion tong atau jangka hayat selama 22 tahun, berikutan penemuan beberapa telaga minyak laut dalam luar pesisir Sabah termasuk Kikeh. Kesemua telaga minyak laut dalam tersebut kini mencakupi kira-kira satu perempat daripada jumlah rizab minyak negara. Penemuan ini mendorong kepada peningkatan pelaburan dalam sektor ini, khususnya oleh syarikat minyak multinasional dan penyedia perkhidmatan domestik yang berkaitan minyak dan gas.

Sektor Pembinaan

Setelah mengalami kemerosotan selama tiga tahun berturut-turut, **sektor pembinaan** pulih kembali untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.6%. Pengembangan ini didorong

terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam, dan disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman dan kediaman.

Sektor pembinaan pulih kembali hasil dorongan aktiviti kejuruteraan awam

Dalam subsektor **kejuruteraan awam**, pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang lebih giat memberikan kesan positif terhadap ekonomi secara beransur-ansur pada tahun itu. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan naik 13.3% kepada RM40.6 bilion pada tahun 2007 (2006: RM35.8 bilion) untuk membiayai pembinaan dan penambahbaikan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, sekolah, hospital dan kuarters kerajaan. Subsektor kejuruteraan awam juga mendapat faedah daripada aktiviti pembinaan dalam industri minyak dan gas yang lebih giat, merangkumi pembangunan dan pembinaan kemudahan minyak yang baharu termasuk pelantar dan platform minyak serta terminal penyimpanan.

Selain itu, buku pesanan beberapa syarikat pembinaan domestik juga bertambah dengan penglibatan mereka dalam projek di luar negara, khususnya di Timur Tengah, India dan Thailand. Projek tersebut termasuklah pembinaan lebuh raya, terminal lapangan terbang dan loji kuasa hidro. Pemulihan dalam sektor pembinaan dan pertambahan dalam buku pesanan beberapa syarikat pembinaan telah mendorong kepada penarafan semula syarikat pembinaan yang tersenarai di Bursa Malaysia. Indeks Pembinaan Bursa Malaysia meningkat dengan ketara sebanyak 56.5% kepada 313.04 mata pada akhir tahun 2007.

Pertumbuhan segmen **bukan kediaman** terus meningkat sepanjang tahun sejajar dengan aktiviti perniagaan yang memberangsangkan. Permintaan yang meningkat daripada perusahaan perniagaan baharu serta pengembangan oleh syarikat sedia ada dalam perkhidmatan kewangan, teknologi maklumat dan perkhidmatan berkaitan minyak dan gas menyebabkan peningkatan permintaan yang ketara terhadap ruang pejabat, khususnya di Kuala Lumpur. Permintaan yang kukuh ini diperkuat lagi oleh minat pelabur institusi asing terhadap segmen bukan kediaman ini. Sementara itu, penawaran akan datang bagi ruang pejabat baharu meningkat kepada 1.6 juta meter persegi pada akhir bulan September 2007, dengan hampir separuh daripadanya adalah di Kuala Lumpur. Meskipun penawaran meningkat, kadar penghunian ruang pejabat terus meningkat kepada 83% pada akhir bulan September 2007 (akhir tahun 2006: 81.8%). Permintaan yang kukuh juga ditunjukkan oleh kenaikan kadar sewa.

Pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh telah merangsang permintaan terhadap harta tanah runcit. Pada tahun 2007, sebanyak 31 kompleks membeli-belah baharu telah siap dibina, dengan sembilan daripadanya di Lembah Kelang. Dengan itu, jumlah ruang komersial untuk disewa di Lembah Kelang meningkat kepada kira-kira 40 juta kaki persegi (2006: 36.4 juta kaki persegi). Ruang runcit baharu terutamanya menjurus kepada penyediaan kemudahan mewah. Berikutan penawaran yang bertambah, kadar sewa secara umumnya tidak berubah, kecuali bagi harta tanah pilihan. Dengan daya tarikan sektor ini yang kian meningkat, beberapa kompleks membeli-belah telah dibeli oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah asing pada tahun 2007.

Aktiviti dalam subsektor **kediaman** terus positif pada tahun itu berikutan pengenalan beberapa langkah dasar oleh Kerajaan sejak bulan Disember 2006. Ini termasuk liberalisasi peraturan

Rajah 1.18
Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor Pembinaan Berbanding dengan Pertumbuhan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan dan Pelaburan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara

Pembangunan Industri Pembiayaan Mikro yang Teguh dan Mampan

Kepentingan pembiayaan mikro

Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005 (Banci) menunjukkan perusahaan mikro mencakupi kira-kira 80% daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia. Memandangkan kepentingannya, pembangunan perusahaan mikro merupakan faktor penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama dan seimbang yang akan meningkatkan kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi yang boleh diagihkan serta dinikmati oleh semua golongan masyarakat, terutamanya individu berpendapatan rendah yang merupakan kumpulan terbesar usahawan mikro.

Banci ini juga mendapati institusi kewangan hanya menyumbangkan 13% daripada sumber pembiayaan untuk perusahaan mikro. Ini menunjukkan bahawa sistem perbankan berpotensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan perusahaan mikro supaya perusahaan ini dapat bergiat dalam arus perdana ekonomi. Akses kepada pembiayaan mikro[1] akan memberikan peluang kepada lebih banyak perusahaan mikro untuk memulakan dan membesarkan perniagaan mereka. Ini pula akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, menjana lebih pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup keseluruhan. Perusahaan mikro yang diketengahkan dalam arus perdana ekonomi dan kewangan formal akan juga menyumbang ke arah pencapaian pembangunan ekonomi yang seimbang dan mampan.

Pelaksanaan pembiayaan mikro

Pembangunan industri pembiayaan mikro yang teguh dan mampan merupakan sebahagian daripada matlamat strategik Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan penyertaan kewangan bagi memastikan semua sektor ekonomi, wilayah dan kelompok masyarakat mempunyai akses kepada rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan sepenuhnya. Pembangunan sekumpulan penyedia pembiayaan mikro dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan sedia ada merupakan strategi yang diterima pakai untuk menggalakkan akses yang mampan kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro.

Pada bulan Ogos 2006, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (National SME Development Council, NSDC) meluluskan rangka kerja keinstitusian pembiayaan mikro yang komprehensif yang dicadangkan oleh Bank Negara Malaysia, yang merangkumi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan koperasi kredit untuk membangunkan industri pembiayaan mikro yang mampan. Bank Simpanan Nasional telah diberikan mandat untuk menyediakan pembiayaan mikro, sementara Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad akan menyediakan pembiayaan mikro kepada ahli koperasi, dan Bank Pertanian Malaysia akan terus menyediakan pembiayaan mikro kepada perusahaan mikro dalam sektor pertanian dan asas tani. Institusi perbankan yang mempunyai rangkaian cawangan yang meluas di seluruh negara akan menambahkan lagi sumber pembiayaan, bagi memastikan jangkauan pembiayaan mikro yang lebih luas.

Banyak kemajuan telah dicapai berhubung dengan penyertaan institusi kewangan dalam penyediaan pembiayaan mikro. Kini, sembilan buah institusi kewangan (enam buah institusi perbankan dan tiga buah IKP) telah melancarkan produk pembiayaan mikro. Institusi kewangan ini telah menerima pakai pelbagai model perniagaan untuk memenuhi pelbagai keperluan kewangan perusahaan mikro, yang terlibat dalam berbagai aktiviti dan sektor ekonomi. Model perniagaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- **model pasaran massa** yang menyediakan kemudahan pembiayaan mikro menerusi cawangan institusi kewangan di seluruh negara;

[1] Ditakrifkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai penyediaan pinjaman /pembiayaan kecil (sehingga RM50,000), kepada perusahaan mikro atau individu yang bekerja sendiri, untuk aktiviti perniagaan mereka.

- **model rangkaian pengedar** yang membabitkan pembentukan perkongsian strategik antara institusi kewangan dengan institusi lain, dan memanfaatkan jumlah pelanggan, keupayaan utama dan rangkaian infrastruktur rakan kongsi;
- **model perbankan komuniti** yang menyediakan pembiayaan mikro untuk kelompok masyarakat tertentu atau segmen sasaran;
- **model koperasi** yang memanfaatkan infrastruktur dan keupayaan pergerakan koperasi; dan
- **model *monoline*** yang dengannya institusi kewangan menubuhkan cawangan khusus bagi menyediakan pembiayaan mikro, dengan penjenamaan, model perniagaan dan proses cawangan ini berasingan daripada institusi kewangan induk.

Untuk mengukuhkan peranan koperasi kredit dalam menyediakan kredit kepada perusahaan mikro, Bank Negara Malaysia mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Koperasi bagi menyediakan pengawasan penyeliaan terhadap koperasi bagi memastikan standard berhemat dan amalan terbaik. Akta bagi penubuhan Suruhanjaya Koperasi diluluskan oleh Parlimen pada bulan April 2007 dan Suruhanjaya ini mula beroperasi pada 1 Januari 2008.

Amalan negara lain yang mempunyai industri pembiayaan mikro yang memberangsangkan dan juga hasil penyelidikan yang dijalankan oleh institusi kewangan Malaysia menunjukkan perusahaan mikro menghargai penyediaan pembiayaan yang ringkas, mudah diakses dan tepat pada waktunya untuk memenuhi keperluan perniagaan kecil. Sehubungan dengan ini, produk pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh institusi kewangan telah dihasilkan supaya ia mudah, cepat dan senang. Pembiayaan mikro mudah diperoleh kerana ia tidak memerlukan cagaran, dokumentasi yang diperlukan adalah minimum dan proses pembiayaan adalah mudah. Tempoh masa yang diambil oleh institusi kewangan untuk meluluskan dan mengeluarkan pembiayaan mikro juga singkat. Pembiayaan mikro juga boleh diperoleh di cawangan-cawangan dan pelbagai saluran pengedaran institusi kewangan serta rakan kongsi strategik mereka bagi memastikan jangkauan yang meluas dan juga untuk menyenangkan pelanggannya.

Terdapat lebih daripada sembilan jenis produk pembiayaan mikro dalam pasaran yang terdiri daripada produk konvensional dan juga yang berlandaskan prinsip Islam. Pada akhir tahun 2007, jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak RM224.7 juta telah diberikan kepada 22,788 akaun pelanggan pembiayaan mikro, dengan saiz pembiayaan purata sebanyak RM9,800.

Program kesedaran dalam kalangan pelanggan pembiayaan mikro dan orang ramai

Logo pembiayaan mikro kebangsaan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada mesyuarat NSDC ke-7 yang diadakan pada 13 September 2007. Sejak pelancaran logo tersebut, institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan mikro telah mempamerkan logo dan piagam pelanggan pembiayaan mikro untuk menunjukkan komitmen dalam menyediakan perkhidmatan pembiayaan mikro yang mudah, cepat dan senang. Pelanggan pembiayaan mikro yang berjaya memperoleh pembiayaan mikro digalakkan mempamerkan logo tersebut di premis perniagaan masing-masing.

Untuk terus menggalakkan dan mewujudkan kesedaran orang ramai terhadap kemudahan pembiayaan mikro, Bank Negara Malaysia telah memulakan beberapa program promosi dan kesedaran seperti pengedaran risalah iklan pembiayaan mikro di lokasi-lokasi strategik, menerusi pelbagai dewan perniagaan, persatuan perdagangan dan pihak majlis tempatan. Media turut menjadi saluran penting untuk menyampaikan dan mendidik orang ramai tentang kewujudan dan manfaat pembiayaan mikro. Institusi kewangan yang menyediakan pembiayaan mikro juga digalakkan mengadakan promosi dan mengiklankan produk dan perkhidmatan pembiayaan mikro kepada orang ramai.

Rajah 1.19
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Pejabat Dibina Khas di Malaysia dan Kuala Lumpur (pada akhir tempoh)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Rajah 1.20
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Perniagaan di Malaysia dan Kuala Lumpur (pada akhir tempoh)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee, FIC) berkaitan dengan pembelian harta tanah oleh orang asing, pengecualian Cukai Untung Harta Tanah dan pelonggaran terhadap bilangan pinjaman harta tanah untuk harta kediaman atau komersial yang boleh diperoleh oleh orang asing. Dapatan kaji selidik oleh Persatuan Harta Tanah dan Pemaju Perumahan menunjukkan liberalisasi ini dan penilaian yang menarik bagi harta tanah mewah di Lembah Kelang telah menyumbang kepada minat asing yang bertambah terhadap segmen ini. Urus niaga harta kediaman oleh orang asing pada separuh pertama tahun 2007 naik kira-kira 30% (2006: 13.9%). Permintaan juga disokong oleh ketersediaan pembiayaan akhir seperti dicerminkan oleh peningkatan permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman perumahan, masing-masing sebanyak 47.6%, 45.6% dan 11.1% pada tahun itu.

Pada amnya, pemaju perumahan bersikap berhati-hati dalam melancarkan projek baharu dalam tempoh dua tahun yang lalu untuk mengelakkan pengumpulan harta tanah yang tidak terjual. Penawaran akan datang merosot 8% kepada 580,883 unit pada akhir September 2007. Walau bagaimanapun, memandangkan wujudnya minat baharu terhadap sektor perumahan pada tahun 2007, penawaran akan datang yang dirancang meningkat 1.5% kepada 644,354 unit. Sejajar dengan trend permintaan dan penawaran, harta kediaman yang tidak terjual berkurang daripada paras tinggi 28,827 unit pada akhir bulan September 2006, kepada 24,488 unit pada akhir bulan September 2007.

Jadual 1.12
Pindah Milik Harta dalam Segmen Kediaman dan Komersial

	2005	2006	2007	2006	2007
				Perubahan tahunan (%)	
Kediaman					
Nilai (RM juta)	28,407.3	29,446.9	36,490.6	3.7	23.9
Bilangan	181,762	182,555	199,482	0.4	9.3
Komersial					
Nilai (RM juta)	11,631.3	11,520.1	16,350.8	-1.0	41.9
Bilangan	24,151	25,687	27,900	6.4	8.6

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 1.13
Harta Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia Mengikut Julat Harga

Jumlah harga kediaman	Unit	Bahagian (%)	Unit	Bahagian (%)
	Pada akhir tahun 2006		Pada akhir September 2007	
RM50,000 atau kurang	3,419	13.5	3,353	13.7
RM50,001 - RM100,000	6,735	26.6	7,114	29.1
RM100,001 - RM150,000	5,473	21.6	4,349	17.8
RM150,001 - RM200,000	3,394	13.4	3,734	15.2
RM200,001 - RM250,000	1,870	7.4	1,994	8.1
Lebih daripada RM250,000	4,440	17.5	3,944	16.1
Jumlah	**25,331**	**100**	**24,488**	**100**

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Secara keseluruhan, harga rumah negara yang diukur oleh Indeks Harga Rumah Malaysia naik 3.8% pada separuh tahun pertama 2007 (2006: 1.9%). Salah satu faktor yang menyebabkan kenaikan ini ialah kos bahan binaan yang semakin meningkat. Harga batang keluli telah disemak semula sebanyak tiga kali pada tahun itu dengan jumlah kenaikan sebanyak 45%, sementara harga simen pula disemak semula pada akhir tahun 2006, dan buat kali pertamanya harga dibezakan mengikut negeri berdasarkan kos pengangkutan dan kos lain, dengan kadar kenaikan antara 10% hingga 78%.

Pada tahun 2007, Kerajaan mengambil beberapa langkah untuk menambah baik sistem penyampaian awam berkaitan dengan sektor pembinaan. Sebuah Pusat Sehenti (One-Stop Centre) ditubuhkan untuk membolehkan kelulusan "laluan pantas" bagi kategori projek tertentu seperti projek di bawah konsep bina kemudian jual, projek Kerajaan, projek berimpak tinggi dan projek yang berpotensi untuk menarik pelaburan asing. Rangka kerja ini membolehkan pemprosesan serentak oleh pihak berkuasa tempatan, negeri dan persekutuan yang berlainan, sekali gus memendekkan proses kelulusan dengan ketara kepada empat bulan. Selain itu, Sijil Layak Menduduki yang digantikan dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan pada tahun itu, membolehkan projek yang telah siap dapat diduduki dengan lebih cepat.

Rajah 1.21
Indeks Harga Rumah Malaysia



a Awalan
Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

HARGA DAN GUNA TENAGA

Harga Pengguna

Kadar inflasi keseluruhan yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2% pada tahun 2007 (2006: 3.6%). Tahap inflasi ini berada dalam julat ramalan sebanyak 2 – 2.5%. Sementara faktor penawaran kekal penting, sumbangannya kepada inflasi keseluruhan menjadi sederhana kerana impak pelarasan terdahulu terhadap harga yang ditadbir semakin berkurang pada suku pertama tahun 2007. Ketiadaan pelarasan harga yang besar untuk barangan harga yang ditadbir pada tahun itu juga mengurangkan impak faktor penawaran terhadap harga barangan dalam negeri. Sementara itu, inflasi teras yang bertindak sebagai proksi kepada tekanan yang berpunca daripada permintaan terhadap harga dalam negeri, mencatat purata sebanyak 1.8% pada tahun itu (2006: 2.1%). Walau bagaimanapun, inflasi teras meningkat sedikit pada separuh kedua tahun 2007.

Rajah 1.22
Inflasi Harga Pengguna



Jadual 1.14
Penunjuk Harga

Indeks Harga Pengguna (2005=100)	Wajaran	2007 Perubahan tahunan (%)	% daripada Keseluruhan Inflasi
Keseluruhan	**100.0**	**2.0**	
Makanan dan Minuman Tidak Beralkohol	31.4	3.0	47.1
Pengangkutan	15.9	2.3	18.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas, dan Bahan Api Lain	21.4	1.3	13.9
Minuman Keras dan Tembakau	1.9	7.8	7.4
Restoran dan Hotel	3.0	3.7	5.6
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	4.6	1.4	3.2
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.0	1.0	3.0
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	4.3	1.1	2.4
Pendidikan	1.9	1.8	1.7
Kesihatan	1.4	1.6	1.1
Pakaian dan Kasut	3.1	-1.4	-2.2
Komunikasi	5.1	-1.2	-3.1
Barang Tidak Tahan Lama	40.6	2.7	54.8
Perkhidmatan	47.1	2.1	49.5
Barang Separuh Tahan Lama	4.3	-0.8	-1.7
Barang Tahan Lama	8.0	-1.4	-5.6
Indeks Harga Pengeluar (2000=100)	**100.0**	**6.7**	
Pengeluaran Tempatan	65.6	7.5	73.4
Import	34.4	4.7	24.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kenaikan harga global komoditi utama dan makanan menampilkan cabaran besar kepada penggubal dasar pada peringkat antarabangsa pada tahun 2007. Perkembangan ini, pada kadar yang berbeza-beza, mempengaruhi inflasi harga seluruh dunia. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada perkembangan ini. Namun begitu, kesan sampingan harga global terhadap harga dalam negeri sedikit sebanyak dikurangkan oleh beberapa faktor, termasuk pelbagai dasar yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa, faktor dalam negeri seperti persaingan sengit dalam kalangan peruncit dan penggunaan barangan pengganti oleh pengguna sebagai reaksi terhadap kenaikan harga.

Antara komponen IHP, peningkatan harga dalam kategori makanan dan minuman tidak beralkohol merupakan penyumbang utama, mencakupi 47.1% daripada kadar inflasi keseluruhan berbanding dengan 29.7% pada tahun sebelumnya. Harga makanan dalam negeri sebahagian besarnya dipengaruhi oleh harga komoditi makanan dunia yang lebih tinggi, termasuk makanan asas isi rumah seperti beras, tepung gandum dan minyak masak berasaskan minyak sawit. Harga makanan global yang lebih tinggi disebabkan oleh faktor struktur dan kitaran. Ini termasuk permintaan yang lebih kukuh terhadap komoditi makanan daripada ekonomi pasaran sedang membangun seperti India dan China, penggunaan tanaman makanan bagi pengeluaran bahan api alternatif seperti biodiesel dan etanol, permintaan spekulatif, dan keadaan cuaca yang buruk di negara pengeluar utama seperti Australia. Akibatnya, sumbangan harga makanan kepada inflasi keseluruhan dalam kebanyakan negara lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Harga makanan dalam negeri juga terjejas oleh pembelian secara bermusim pada musim perayaan dan juga keadaan cuaca buruk yang sementara, yang menjejaskan aktiviti perladangan dan menggendalakan bekalan.

Walaupun harga minyak mentah global bergerak ke paras USD100 setong pada tahun 2007, harga bahan api dan gas dalam negeri terus tidak berubah disebabkan oleh subsidi bahan api yang diberikan oleh Kerajaan. Hasilnya, sumbangan sektor pengangkutan kepada inflasi keseluruhan adalah pada 18.3%, lebih kecil berbanding dengan 48.6% pada tahun sebelumnya, semasa berlakunya pelarasan harga bahan api. Kategori restoran dan hotel, dan kategori perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan mencatat sumbangan lebih tinggi kepada kadar inflasi keseluruhan, disebabkan harga penginapan hotel dan pakej pelancongan yang meningkat berpunca daripada permintaan yang lebih tinggi berikutan ketibaan bilangan pelancong yang meningkat sempena Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 (2007: 21.0 juta orang; 2006: 17.5

Rajah 1.23
Harga Dunia bagi Komoditi Makanan Tertentu



Rajah 1.25
Bahagian Sumbangan oleh Harga Makanan kepada Inflasi Keseluruhan



juta orang). Sumbangan kategori minuman keras dan tembakau kepada IHP juga lebih tinggi berikutan keputusan Kerajaan untuk mengenakan duti eksais tambahan terhadap keluaran tembakau pada bulan Julai.

Walau bagaimanapun, seperti pada tahun sebelumnya, peningkatan dalam kadar inflasi keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh penurunan harga barangan dalam kategori komunikasi, dan pakaian dan kasut hasil daripada tekanan persaingan global dan dalam negeri yang sengit. Dari segi kelengkapan komunikasi, harga yang lebih rendah juga mencerminkan manfaat kemajuan teknologi. Penambahan nilai kadar pertukaran ringgit juga telah sedikit sebanyak

Rajah 1.24
Sumbangan Komponen IHP kepada Inflasi Keseluruhan



mengurangkan sebahagian daripada kesan harga import yang lebih tinggi.

Terdapat juga persepsi bahawa inflasi sebenar mungkin lebih tinggi. Terdapat beberapa penjelasan bagi perbezaan dengan statistik yang dikumpulkan oleh Jabatan Perangkaan. Sebagai satu binaan statistik, IHP merangkumi sekumpulan barangan yang biasa digunakan oleh isi rumah Malaysia berdasarkan kaji selidik oleh Jabatan Perangkaan setiap lima tahun. Kompilasi statistik ini mengira purata perubahan dalam harga pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan serta perbezaan harga antara wilayah. Berdasarkan harga barangan makanan tertentu yang dipantau secara mingguan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan disiarkan oleh akhbar tempatan, perbezaan antara wilayah dan masa cenderung untuk menjadi agak besar. Oleh itu, IHP ialah perubahan purata pergerakan dalam harga bagi negara secara keseluruhan, dan tidak akan mencerminkan kos kehidupan dalam kawasan tertentu atau kategori pendapatan kumpulan tertentu. Tambahan pula, sementara IHP merangkumi lebih daripada 400 barangan, jenama berbeza bagi barangan yang sama biasanya mempunyai pergerakan harga yang berbeza.

Akhirnya, adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa terdapat tahap asimetri tertentu dalam persepsi terhadap cara harga berubah. Harga yang meningkat sering mendapat perhatian yang lebih berbanding dengan harga yang menurun. Sejak tahun 2005, harga bagi kategori pakaian dan kasut, dan kategori komunikasi secara purata tahunan, menurun masing-masing sebanyak 1.2% dan 0.9%. Penurunan harga ini membantu mengimbangi impak kenaikan harga dalam kategori lain terhadap IHP keseluruhan.

Harga Pengeluar

Impak harga komoditi global yang lebih tinggi lebih ketara pada Indeks Harga Pengeluar (IHPR), yang meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.7% pada tahun 2007 (2006: 5.1%). Komponen komoditi IHPR naik 12.4% (2006: 9.6%) berikutan harga global komoditi yang lebih tinggi bagi getah, minyak sawit mentah dan minyak mentah. Tidak termasuk komoditi, IHPR meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.5% berbanding dengan 3.6% pada tahun sebelumnya.

Kedua-dua komponen dalam negeri dan komponen luaran IHPR mencatat kenaikan harga. Harga komponen tempatan IHPR meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.5% (2006: 6.7%). Peningkatan ini mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi jentera dan kelengkapan pengangkutan, minyak galian, pelincir dan bahan berkaitan, makanan dan binatang hidup, serta minyak dan lelemak binatang dan sayur-sayuran. Sementara itu, kadar pertumbuhan tahunan komponen yang diimport IHPR juga lebih tinggi pada 4.7% (2006: 2.2%) berpunca daripada kenaikan harga barangan seperti jentera dan kelengkapan pengangkutan, bars perkilangan yang dikategorikan mengikut bahan, bahan kimia dan produk yang berkaitan, minyak dan lelemak binatang dan sayur-sayuran, serta makanan dan binatang hidup.

Perkembangan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja dalam negeri terus bertambah baik pada tahun 2007, sejajar dengan prestasi ekonomi yang lebih kukuh. Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.3% disebabkan oleh permintaan terhadap pekerja meningkat dan berkurangnya pemberhentian pekerja pada tahun itu. Jumlah guna tenaga meningkat pada kadar 2.1% kepada 11.4 juta pekerja berbanding dengan pertumbuhan

Pasaran pekerja lebih kukuh pada tahun 2007

tenaga kerja sebanyak 2% kepada 11.8 juta orang. Sejajar dengan itu, penyertaan tenaga kerja juga meningkat kepada 67%. Indeks Guna Tenaga MIER purata adalah 13.5 mata lebih tinggi pada tahun 2007 atau 120.8 mata (2006: 107.3 mata).

Rajah 1.26
Keluaran dan Guna Tenaga



Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.27
Tambahan Guna Tenaga Mengikut Sektor



Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Rajah 1.28
Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor Tertentu



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Terdapat peningkatan pewujudan kerja dalam kesemua sektor utama, kecuali pertanian yang mencatat sedikit penurunan. Secara keseluruhan, **guna tenaga** tertinggi terus dicatat oleh sektor perkhidmatan, dengan subsektor perdagangan edaran, hotel dan restoran terus menjadi majikan terbesar dalam sektor ini. Aktiviti pengambilan pekerja adalah aktif dalam segmen perdagangan runcit dan sektor kewangan memandangkan pelancaran beberapa saluran dagang runcit yang besar dan pembukaan beberapa cawangan bank asing dan bank Islam pada tahun itu. Yang ketara ialah sektor pembinaan, setelah mencatat kehilangan kerja bagi tiga tahun berturut-turut, mengembangkan tenaga kerjanya sebanyak 2,066 orang sejajar dengan pemulihan dalam sektor pembinaan. Sementara itu, penyederhanaan dalam aktiviti perkilangan membawa kepada pengambilan pekerja yang lebih perlahan dan peningkatan pewujudan kerja yang lebih kecil.

Pada tahun 2007, **pemberhentian pekerja** keseluruhan meneruskan trend menurun yang dicatat sejak tahun 2001. Pemberhentian pekerja berjumlah 14,035 orang atau 8.6% lebih rendah (2006: 15,360 orang). Sebahagian besar pekerja yang diberhentikan terlibat terutamanya dalam pekerjaan berkemahiran rendah. Pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 71% daripada jumlah pemberhentian pekerja) lebih tinggi, tetapi pemberhentian pekerja dalam semua sektor lain jelas lebih rendah, menyebabkan jumlah keseluruhan yang lebih rendah. Memandangkan prestasinya yang lemah,

Jadual 1.15
Penunjuk Tertentu Pasaran Pekerja

	2003	2004	2005	2006	2007*a*
Guna tenaga[1] ('000 orang)	10,047.2	10,463.7	10,892.8	11,159.0	11,392.4
Tenaga kerja[1] ('000 orang)	10,426.4	10,846.0	11,290.5	11,544.5	11,775.1
Jumlah pemberhentian pekerja (orang)	21,206	19,956	16,109	15,360	14,035
Jumlah pencari kerja aktif (orang)	28,404	27,227	72,573	84,046	92,508
Jumlah jawatan kosong aktif (jawatan)	96,918	49,975	304,500	834,675	825,182
Kadar pengangguran[1] (%)	3.6	3.5	3.5	3.3	3.3
Kadar penyertaan tenaga kerja[1] (%)	65.6	66.1	66.7	66.9	67.0
Pertumbuhan produktiviti pekerja benar[2] (%)	2.2	2.5	0.9	3.4	4.1

a Anggaran
[1] Berdasarkan anggaran oleh Unit Perancang Ekonomi
[2] Berdasarkan anggaran oleh Bank Negara Malaysia

Sumber: Bank Negara Malaysia
Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia

industri E&E mencatat pemberhentian pekerja lebih dua kali ganda berbanding dengan tahun 2006. Sementara itu, sektor perkhidmatan mencakupi 25% daripada jumlah pekerja yang diberhentikan, yang berlaku terutamanya dalam subsektor perdagangan edaran, hotel dan restoran.

Jumlah **kekosongan jawatan aktif** yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik (ELX) terus tinggi pada 825,182 jawatan (2006: 834,675 jawatan). Permintaan pekerja daripada sektor perkilangan adalah paling tinggi (bahagian sebanyak 33%), diikuti oleh sektor pertanian dan perkhidmatan (masing-masing 27% dan 25%). Sebahagian besar peluang pekerjaan merupakan pekerjaan asas yang sesuai untuk pekerja berkemahiran rendah. Yang menonjol pada tahun ini adalah kekosongan jawatan bagi pekerjaan yang memerlukan pendidikan tinggi dan kelayakan teknikal seperti pengurus, profesional dan juruteknik telah meningkat dengan ketara, mencerminkan lebih banyak permintaan terhadap pekerja mahir.

Pencari kerja aktif yang didaftarkan melalui ELX meningkat 10% kepada 92,508 orang (2006: 84,046 orang). Persekitaran pertumbuhan ekonomi yang kukuh bersama-sama daya guna tenaga yang tinggi telah membawa kepada prospek kerja yang positif. Kira-kira 41% daripada pencari kerja telah pun bekerja tetapi mereka memasuki semula pasaran kerja untuk kemajuan kerjaya dan gaji. Seiring dengan peningkatan permintaan terhadap pekerja yang berkelulusan tinggi dan berkemahiran teknikal, bilangan siswazah (pemegang diploma dan ijazah pertama) yang mencari kerja naik sebanyak 3.2%, mencakupi kira-kira 45% daripada jumlah pencari kerja aktif. Sementara itu, jumlah pencari kerja yang berdaftar untuk kerja yang memerlukan kemahiran yang lebih rendah telah berkurangan. Oleh itu, lebih banyak pekerja asing diambil untuk bekerja pada tahun itu.

Pada tahun 2007, jumlah **pekerja asing** (termasuk ekspatriat) di Malaysia meningkat 9.3% kepada 2.08 juta orang. Pada akhir tahun, terdapat 2.04 juta pekerja asing dan 34,822 ekspatriat. Majoriti **pekerja penghijrah** adalah dalam sektor perkilangan, pertanian dan pembinaan (bahagian masing-masing sebanyak 36%, 25% dan 14%), disebabkan sektor-sektor ini terus mengalami kekurangan pekerja. Sementara itu, pembantu rumah mencakupi bahagian sebanyak 15%. Meskipun kebanyakan syarikat perkilangan menyatakan rancangan untuk mengurangkan pekerja asing dengan beralih kepada automasi dan penggunaan teknologi baharu yang lebih giat, namun mereka menyatakan bahawa kos automasi yang tinggi dan kekurangan pekerja mahir untuk mengendalikan dan menyelenggarakan peralatan yang lebih kompleks sebagai penghalang utama untuk meningkatkan operasi masing-masing. Sementara itu, jumlah **ekspatriat** meningkat sebanyak 5.7% kepada 34,822 orang, menterbalikkan trend yang menurun sejak tahun 2000. Kebanyakan ekspatriat terlibat dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan (bahagian masing-masing sebanyak 60% dan 33%). Menyedari bahawa pengambilan ekspatriat boleh membantu syarikat untuk mengukuhkan operasi mereka masing-masing, Kerajaan telah mengurangkan masa yang diambil untuk meluluskan pas pekerjaan ekspatriat kepada tempoh satu minggu, serta melanjutkan tempoh permit kepada 5 hingga 10 tahun (dahulunya dua tahun).

Produktiviti pekerja, sebagaimana yang diukur oleh nilai ditambah benar setiap pekerja mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.1% (2006: 3.4%), dengan kesemua sektor utama mencatat pertumbuhan positif dalam produktiviti pekerja. Pertumbuhan produktiviti pekerja yang paling tinggi adalah dalam sektor perkhidmatan (6.5%), disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi dalam segmen kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (9.2%), dan subsektor perdagangan edaran, hotel dan restoran (8.3%).

Rajah 1.29
Trend Produktiviti Pekerja



a Anggaran
Sumber: Bank Negara Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Yang menonjol, produktiviti pekerja dalam sektor perlombongan dan pembinaan pulih pada tahun 2007, disebabkan peningkatan dalam pengeluaran minyak dan gas, serta aktiviti berkaitan pembinaan. Bagi sektor perkilangan, meskipun penambahan dalam tenaga kerja lebih rendah, pertumbuhan produktiviti pekerja menjadi sederhana (0.8%) disebabkan prestasi jualan dan pengeluaran yang lebih rendah.

Pengembangan yang kukuh dalam aktiviti ekonomi dan permintaan terhadap pekerja mengakibatkan sedikit tekanan terhadap **upah**, dengan eksekutif dalam sektor swasta menerima kenaikan gaji lebih tinggi (5.9%) berbanding dengan bukan eksekutif (5.6%) (2006: masing-masing 5.9% dan 5.7%). Peningkatan yang lebih tinggi dalam gaji purata mencerminkan sebahagiannya dasar majikan yang memberi ganjaran terhadap prestasi, dan penggunaan gaji untuk menarik dan mengekalkan tenaga mahir.

Walau bagaimanapun, **penawaran tenaga mahir** tidak dapat mengimbangi kadar permintaan, mengakibatkan kekurangan tenaga mahir. Kekurangan tenaga mahir adalah lebih ketara untuk pekerja berpengalaman dan profesional. Antara kemahiran yang mendapat permintaan tinggi termasuk jurutera, jurumesin, ahli geologi, arkitek, akauntan, ahli perbankan Islam, pakar IT serta pengurus pertengahan dan pengurus kanan. Permintaan terhadap pekerja mahir ini telah meningkat dan dijangka terus tinggi dalam jangka sederhana. Di Malaysia, walaupun kekurangan masih belum mencapai tahap kritikal, usaha sedang dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

Satu isu yang sedang ditangani Kerajaan secara aktif ialah pengangguran dalam kalangan siswazah. Menurut Kementerian Sumber Manusia, jumlah siswazah menganggur berkurang kepada 49,406 pada akhir tahun 2007, bersamaan dengan kira-kira 13% daripada jumlah penganggur di Malaysia (2006: 65,700 penganggur graduan atau bahagian sebanyak 17%). Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil beberapa langkah untuk ***menambah baik keupayaan mendapat kerja oleh siswazah tempatan***. Salah satu langkah ialah memperkenalkan sepenuhnya kemahiran insaniah (termasuk penguasaan Bahasa Inggeris dan teknik *presentation*) dan modul keusahawanan bagi sesi akademik 2007/2008 di semua universiti awam. Yang kedua, Jawatankuasa Kurikulum (yang mempunyai wakil industri) diberikan fleksibiliti untuk menambahbaikkan kandungan kursus agar ia terkini dan bersesuaian dengan kehendak pasaran. Selain itu, rancangan sedang diambil untuk mewajibkan latihan industri selama enam bulan untuk kursus kritikal (tiga bulan untuk kursus lain) untuk mendedahkan mahasiswa dengan lebih giat kepada persekitaran pekerjaan dan membantu membangunkan kecekapan mereka.

Banyak syarikat kini lebih bersedia untuk menghantar kakitangan masing-masing untuk ***latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran***. Jumlah bantuan kewangan dan tempat latihan yang diluluskan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad meningkat masing-masing sebanyak 14.4% dan 13.4%. Lebih banyak pekerja sektor perkilangan dihantar untuk latihan (bahagian sebanyak 61%), khususnya daripada industri E&E dan industri kelengkapan pengangkutan, masing-masing 21% dan 4% daripada jumlah tempat latihan. Bagi sektor perkhidmatan, pekerja daripada hotel, serta pasar raya dan pasar raya besar mencakupi 6% dan 5% daripada jumlah tempat latihan. Secara keseluruhan, kursus kawalan kualiti lebih popular (22%), diikuti oleh kursus keselamatan dan kesihatan (14%), dan kursus pengurusan dan teknikal (9% setiap satu).

Bagi ***sektor perkhidmatan kewangan***, Bank Negara Malaysia telah memulakan beberapa inisiatif untuk membangunkan kumpulan tenaga mahir untuk terus menyokong dan meningkatkan kedinamikan sektor tersebut. Pertama, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) telah ditubuhkan pada bulan Mac 2006, untuk membangunkan dan meningkatkan modal insan bagi kewangan Islam. Sehingga 12 Mac 2008, sebanyak 721 pelajar daripada 44 negara telah mendaftar untuk persijilan profesional INCEIF dalam Chartered Islamic Finance Professional, yang merupakan persijilan seumpama yang pertama di dunia, sementara 29 pelajar lagi telah mendaftar untuk ijazah doktor falsafah (PhD) dalam kewangan Islam. Di samping itu, Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme, FSTEP) telah dilancarkan pada bulan Januari 2008. Program yang dibangunkan oleh industri perkhidmatan kewangan bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia, direka bentuk

untuk membangunkan pekerja baharu industri. Peserta program akan menerima latihan dan mendapat pendedahan dalam perbankan perdagangan, perbankan pelaburan, perbankan Islam serta insurans dan takaful melalui latihan di bilik darjah dan latihan sambil bekerja yang rapi. Kumpulan pertama program setahun ini melibatkan sebanyak 297 calon yang dipilih daripada sejumlah 2,900 permohonan daripada pelbagai latar belakang akademik dan dengan kepujian akademik yang cemerlang.

SEKTOR LUAR NEGERI

Imbangan Pembayaran

Kedudukan sektor luar negeri Malaysia mengukuh pada tahun 2007. **Imbangan pembayaran keseluruhan** adalah lebih besar, disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang lebih besar, sementara aliran keluar bersih dalam akaun kewangan menjadi sederhana. Lebihan dagangan yang terus besar, didorong oleh pertumbuhan eksport komoditi yang kukuh, dan kedudukan akaun perkhidmatan dan pendapatan yang lebih baik menyumbang kepada lebihan akaun semasa yang lebih besar. Secara khususnya, akaun perkhidmatan mencatat lebihan buat kali pertama disebabkan terutamanya oleh peningkatan perolehan pelancongan dan pengangkutan. Keuntungan dan dividen yang lebih tinggi daripada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri serta pulangan lebih besar daripada rizab antarabangsa menyumbang kepada defisit akaun pendapatan yang lebih rendah.

Kedudukan luaran Malaysia terus kukuh, disokong oleh lebihan akaun semasa yang besar didorong oleh eksport komoditi yang kukuh. Yang ketara, akaun perkhidmatan mencatat lebihan buat kali pertama

Dalam akaun kewangan, prospek ekonomi dan sentimen pelabur yang bertambah baik menyumbang kepada aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, aliran masuk ini diimbangi oleh pelaburan langsung luar negeri yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia, dan aliran keluar bersih pelaburan lain. Berikutan pelarasan bagi kesilapan dan ketinggalan, yang termasuk pengurangan nilai rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia hasil daripada penilaian semula rizab berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama, rizab antarabangsa bersih meningkat sebanyak RM45.3 bilion kepada RM335.7 bilion atau bersamaan dengan USD101.3 bilion pada 31 Disember 2007. Rizab terus meningkat kepada RM384.1 bilion atau bersamaan dengan USD116.3 bilion pada 29 Februari 2008. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 7.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab Malaysia boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Akaun Semasa

Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM99.3 bilion atau 15.8% daripada PNK (2006: RM93.4 bilion atau 16.8% daripada PNK), disokong oleh lebihan dagangan yang besar dan akaun perkhidmatan dan pendapatan yang bertambah baik. Lebihan dagangan didorong oleh eksport komoditi yang kukuh hasil daripada harga minyak sawit dan mineral yang tinggi. Pada tahun itu, eksport komoditi yang mempunyai kandungan import yang rendah menyumbang kepada 73% daripada lebihan dagangan.

Eksport kasar meningkat pada kadar sederhana sebanyak 2.7% pada tahun 2007 (2006: 10.3%) disebabkan oleh permintaan lemah terhadap eksport perkilangan yang sebahagiannya dihadkan oleh pertumbuhan kukuh eksport komoditi utama.

Pertumbuhan dalam **eksport barangan perkilangan** menjadi sederhana kepada 0.3% pada tahun 2007 (2006: 10.1%) akibat kemerosotan eksport E&E (-4.2%; 2006: 6.4%) dan penyederhanaan dalam eksport bukan E&E (8.1%; 2006: 17.2%). Prestasi lemah dalam eksport E&E disebabkan terutamanya oleh penurunan permintaan terhadap komputer dan alat ganti dari pasaran AS berikutan pelaburan yang lemah dalam kelengkapan dan perisian oleh sektor korporat, khususnya pada awal tahun 2007. Eksport E&E juga terjejas kesan daripada harga yang lebih rendah pada tahun itu berikutan lebihan inventori segmen cip separa konduktor tertentu dan persaingan sengit dalam kalangan pengeluar utama global. Eksport keluaran elektrik terus kekal lemah disebabkan oleh peralihan

Jadual 1.16
Imbangan Pembayaran

Butiran	2006			2007*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	589.7	455.2	134.6	605.8	477.7	128.1
Akaun perdagangan	*589.0*	*480.8*	*108.2*	*605.2*	*504.8*	*100.3*
Perkhidmatan	80.0	87.0	-6.9	97.1	96.1	1.0
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**669.8**	**542.2**	**127.6**	**702.9**	**573.8**	**129.1**
Pendapatan	31.0	48.3	-17.4	38.8	52.5	-13.7
Pindahan semasa	1.1	18.0	-16.9	1.2	17.3	-16.1
Imbangan akaun semasa	**701.9**	**608.5**	**93.4**	**742.9**	**643.5**	**99.3**
% daripada PNK			**16.8**			**15.8**
Akaun modal			–			-0.1
Akaun kewangan			-43.5			-37.0
Pelaburan langsung			…			-8.8
Pelaburan portfolio			12.9			18.4
Pelaburan lain			-56.4			-46.6
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-43.5**			**-37.1**
Kesilapan dan ketinggalan antaranya:			-24.8			-16.9
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			*-6.9*			*-5.6*
Imbangan keseluruhan			**25.2**			**45.3**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**290.4**			**335.7**
Dalam USD bilion			**82.5**			**101.3**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

a Anggaran

… Terlalu kecil

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

daripada keluaran produk biasa seperti tiub televisyen sinar katod dan pemain VCD kepada keluaran produk dengan nilai ditambah lebih tinggi seperti televisyen LCD definisi tinggi, perakam DVD dan pemain *Blu-ray*. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda pemulihan dalam eksport keluaran E&E menjelang akhir tahun didorong oleh segmen komputer dan alat ganti.

Rajah 1.30
Akaun Semasa



a Anggaran

Dalam segmen **bukan E&E**, eksport kimia dan keluaran kimia berkembang sebanyak 13.8% pada tahun 2007 (2006: 10.7%). Prestasi eksport yang lebih baik disokong oleh permintaan dari AS, EU dan rantau Asia serta harga yang lebih tinggi sejajar dengan peningkatan dalam harga input komoditi. Sementara itu, eksport keluaran makanan menunjukkan pertumbuhan kukuh sebanyak 23.6% disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan permintaan terhadap makanan Halal dari negara Timur Tengah. Eksport tekstil dan pakaian serta keluaran petroleum merosot disebabkan oleh permintaan lemah oleh pembeli utama eksport Malaysia.

Jadual 1.17
Eksport Kasar

	2006	2007*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**10.3**	**2.7**
Perkilangan	**10.1**	**0.3**
di antaranya:		
Elektronik dan keluaran elektrik	*6.4*	*-4.2*
Kimia dan keluaran kimia	*10.7*	*13.8*
Keluaran logam	*33.0*	*15.7*
Keluaran petroleum	*27.2*	*3.8*
Pertanian	**12.5**	**24.4**
di antaranya:		
Minyak kelapa sawit	*13.7*	*47.8*
Getah	*42.3*	*-10.9*
Mineral	**8.6**	**7.5**
di antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	*8.1*	*3.5*
Gas asli cecair	*12.0*	*12.3*

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport **komoditi utama** terus berkembang pada kadar dua angka bagi tahun kelima berturut-turut, meningkat sebanyak 14.7%. Jumlah eksport komoditi melepasi paras RM100 bilion pada tahun 2007, sekaligus menyebabkan bahagiannya daripada eksport kasar naik kepada 18.8% (2001: 13%). Prestasi yang menggalakkan adalah disebabkan oleh kesan harga komoditi yang tinggi yang naik secara purata sebanyak 18.5% pada tahun 2007.

Eksport pertanian meningkat 24.4% pada tahun 2007, didorong terutamanya oleh peningkatan yang ketara dalam eksport minyak sawit. Eksport minyak sawit terus kukuh sebanyak 47.8%, disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih tinggi, iaitu purata RM2,368 setan (2006: RM1,544 setan). Permintaan kukuh, khususnya untuk kegunaan bio bahanapi (biofuel) menyebabkan harga minyak sawit berkait rapat dengan pergerakan harga minyak mentah. Sementara itu, jumlah eksport merosot sebanyak 3.7% disebabkan pembelian yang lebih rendah oleh India dan EU ekoran daripada peralihan kepada minyak lain yang lebih murah seperti minyak biji sesawi. Walau bagaimanapun, eksport ke RR China terus berkembang, mencakupi 28% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia. Di samping itu, permintaan dari AS terus kukuh kerana pengilang-pengilang makanan AS terus beralih untuk menggunakan minyak sawit dalam keluaran makanan. Begitu juga, eksport komoditi pertanian lain seperti getah, kayu balak dan kayu siap digergaji, mengalami penurunan pada tahun 2007. Seiring dengan penurunan pengeluaran getah di Malaysia, jumlah eksport mengalami kejatuhan sebanyak 10.9%. RR China masih merupakan pengimport terbesar getah Malaysia, mencakupi 36.4% daripada jumlah eksport getah pada tahun 2007, diikuti dengan rapat oleh Kesatuan Eropah, dengan jumlah bahagian sebanyak 28.9%.

Pertumbuhan dalam **eksport mineral** secara relatifnya dapat dikekalkan pada 7.5% pada tahun 2007, dipacu terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dan sebahagian kecilnya oleh peningkatan dalam jumlah eksport. Peningkatan eksport minyak mentah disokong oleh kenaikan harga (2.9%), dan juga kenaikan semula jumlah eksport (0.5%) setelah merosot sebanyak 8%

Rajah 1.31
Prestasi Eksport Industri Elektronik dan Bukan Elektronik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.32
Prestasi Eksport Komoditi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pada tahun sebelumnya. Kenaikan jumlah eksport disokong oleh permintaan global yang kukuh, serta peningkatan pengeluaran dari telaga minyak Kikeh yang memulakan operasi pada tahun itu. Ini terus disokong oleh pertumbuhan mampan dalam eksport LNG, yang berkembang sebanyak 12.3%, dalam keadaan harga yang lebih tinggi dan peningkatan pembelian dari Korea, pengimport utama LNG.

Import kasar meningkat 5% mencerminkan terutamanya import input untuk eksport perkilangan serta permintaan lebih tinggi terhadap barangan pengguna dan modal. Import **barangan pengantara**, iaitu komponen utama import, berkembang 6.9%. Ini mencerminkan pertumbuhan import bekalan perindustrian yang diproses, khususnya logam, bahan kimia dan keluaran kimia, dan emas separa perkilangan. Permintaan yang meningkat terhadap bahan yang digunakan oleh industri pembinaan menyokong import logam, sementara permintaan terhadap plastik dari Kesatuan Eropah merangsang import bahan kimia. Seiring dengan permintaan dalam negeri yang kukuh, import pengantara berkaitan dengan pengilangan barangan untuk pasaran dalam negeri juga berkembang. Penggunaan dalam negeri yang kukuh menyokong pertumbuhan import bahan utama dan juga yang diproses untuk industri makanan dan minuman.

Yang ketara, pengembangan berterusan dalam aktiviti pelaburan menghasilkan import **barangan modal** yang lebih tinggi (7.2%). Import modal disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perkhidmatan, dan perlombongan, terutamanya untuk pengembangan kapasiti dan peningkatan kepada teknologi baharu. Pelaburan bagi pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan, khususnya logam dan keluaran elektronik canggih, dan dorongan ke arah kecekapan bahan api telah membawa kepada import jentera serta penjana dan turbin yang lebih tinggi. Peningkatan aktiviti pencarian dan pembangunan dalam sektor minyak dan gas, dan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan meningkatkan import bagi kelengkapan pembinaan dan perlombangan serta import kenderaan sokongan luar pesisir.

Berikutan pertumbuhan berterusan dalam penggunaan swasta, import **barangan penggunaan** berkembang 3.6%. Pertumbuhan dalam import barangan penggunaan mencerminkan import makanan dan minuman yang lebih tinggi bagi penggunaan isi rumah. Walau bagaimanapun, import barangan separa tahan lama seperti barang kulit, pita dan rekod, menurun.

Pasaran eksport Malaysia terus bersifat pelbagai. Mencerminkan hal ini, indeks kepelbagaian eksport dan import, sebagaimana

Jadual 1.18
Import mengikut Penggunaan Akhir

	2006	2007*a*
	Perubahan tahunan (%)	Perubahan tahunan (%)
Barangan modal	**7.4**	**7.2**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	5.4	5.6
Alat kelengkapan pengangkutan	23.5	17.8
Barangan pengantara	**8.8**	**6.9**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk industri	24.9	21.0
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	11.1	17.0
Bahan api dan pelincir	25.7	2.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	5.1	0.4
Barangan penggunaan	**13.4**	**3.6**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	4.8	6.8
Barangan pengguna, t.s.t.l.	18.8	1.8
Eksport semula	**50.6**	**-22.4**
Import Kasar	**10.8**	**5.0**

t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang diukur oleh indeks *Herfindahl – Hirschmann* yang dinormalkan terus menurun masing-masing kepada 0.124 dan 0.116 pada tahun 2007 (2006: masing-masing 0.145 dan 0.122). Peningkatan dalam kepelbagaian perdagangan dicerminkan melalui pengukuhan berterusan rangkaian perdagangan ke India, Asia Barat dan Australia. Eksport ke Australia dan India didorong oleh permintaan terhadap keluaran berkaitan petroleum dan E&E, sementara eksport ke Asia Barat lebih pelbagai, merangkumi keluaran E&E, barang kemas dan minyak sawit. Bahagian eksport yang meningkat ke Kesatuan Eropah mencerminkan penembusan perdagangan yang meningkat ke pasaran Eropah Selatan. Kepelbagaian dalam pasaran tradisi ASEAN juga menunjukkan penambahbaikan dengan peningkatan penembusan perdagangan ke dalam pasaran baru muncul seperti Vietnam.

Rajah 1.33
Indeks Kepelbagaian Eksport dan Import



Indeks kepelbagaian eksport and import ialah Indeks Herfindahl-Hirschmann yang telah diubahsuaikan. Ia telah dinormalkan untuk mendapatkan indeks dalam lingkungan 0 hingga 1. Indeks yang lebih rendah menunjukkan tahap kepelbagaian yang lebih tinggi.

AS terus menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia walaupun mengalami penurunan dalam bahagian kepada 15.6% daripada jumlah eksport Malaysia (2000: 20.5%). Sementara eksport komputer dan alat ganti serta komponen mesin pejabat menurun, eksport minyak sawit meningkat. Peningkatan dalam eksport minyak sawit sebanyak 13.4% disokong oleh harga yang tinggi serta peningkatan penggunaan minyak sawit oleh pengilang makanan AS. **Singapura** kekal sebagai rakan dagangan Malaysia kedua terbesar. Eksport bahan kimia dan petroleum mentah yang lebih tinggi berikutan permintaan yang meningkat oleh industri petrokimia Singapura mengurangkan penurunan dalam

Jadual 1.19
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2007*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion
Jumlah	**605.2**	**2.7**	**504.8**	**5.0**	**100.3**
antaranya:					
Amerika Syarikat	**94.5**	**-14.5**	**54.7**	**-9.2**	**39.8**
Kesatuan Eropah (EU)	**77.8**	**3.6**	**59.9**	**9.5**	**17.9**
Negara ASEAN tertentu[1]	**154.3**	**1.2**	**122.7**	**5.2**	**31.6**
Negara-negara Timur Laut Asia tertentu	**120.5**	**10.4**	**133.2**	**8.3**	**-12.7**
Republik Rakyat China	*53.0*	*24.3*	*64.9*	*11.5*	*-11.9*
Hong Kong SAR	*28.0*	*-4.0*	*14.7*	*16.0*	*13.3*
China Taipei	*16.5*	*2.6*	*28.7*	*9.5*	*-12.3*
Korea Selatan	*23.0*	*8.2*	*24.9*	*-3.8*	*-1.9*
Asia Barat	**18.9**	**18.1**	**17.4**	**-13.0**	**1.6**
Jepun	**55.2**	**5.8**	**65.5**	**3.1**	**-10.3**
India	**20.2**	**7.6**	**7.1**	**44.7**	**13.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.34
Destinasi Eksport (% bahagian)



[1] Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

[2] Hong Kong SAR, Korea Selatan dan China Taipei

eksport E&E. Sementara itu, eksport ke **Jepun** terus kukuh disokong oleh permintaan terhadap LNG dan minyak sawit. Jepun kekal sebagai sumber terpenting import merangkumi terutamanya substrat bagi litar bersepadu, peranti separa konduktor, kelengkapan pengangkutan dan kapal.

Peningkatan perdagangan ke pasaran di Eropah Selatan mendorong kepada peningkatan dalam bahagian perdagangan Malaysia dengan **Kesatuan Eropah (EU)**. Eksport ke Itali, iaitu pasaran yang sedang meningkat dengan sebahagian besarnya merangkumi penyaman udara, radio dan alat ganti televisyen. Perdagangan dengan Belgium juga kukuh dengan eksport merangkumi terutamanya mesin pemprosesan data automatik dan kamera, sementara import pula merangkumi terutamanya bahan kimia dan ubat. Walau bagaimanapun, United Kingdom, Jerman, Belanda dan Perancis kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia dalam EU.

Eksport ke **Timur Laut Asia** (tidak termasuk Jepun) berkembang 10.4% didorong oleh pertumbuhan dalam eksport ke RR China dan Korea Selatan. Aktiviti ekonomi yang kukuh di RR China dan pengembangan perdagangan dalam rantau melalui rangkaian pengeluaran mencetuskan permintaan terhadap eksport litar bersepadu, alat ganti mesin pejabat, bahan kimia dan minyak sawit dari Malaysia. RR China muncul sebagai pasaran terbesar bagi minyak sawit Malaysia, mencakupi 28% daripada jumlah eksport minyak sawit. Sementara itu, RR China juga muncul sebagai sumber import Malaysia kedua terpenting, dengan import merangkumi terutamanya komponen E&E dan bahan kimia. Eksport ke Korea Selatan disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam LNG dan minyak mentah disebabkan oleh peningkatan penggunaan tenaga dan permintaan daripada industri petrokimia Korea Selatan.

Perdagangan dengan **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) terus berdaya tahan, dengan eksport berkembang 6.6% pada tahun 2007. Yang ketara, perdagangan dengan Vietnam dan Indonesia mencatat pertumbuhan kukuh masing-masing sebanyak 23.8% dan 19%. Peningkatan keterbukaan Vietnam terhadap perdagangan selepas menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada bulan November 2006 menyumbang kepada peningkatan dalam bahagian eksport Malaysia ke Vietnam. Eksport yang lebih tinggi mencerminkan eksport keluaran besi dan keluli bagi industri pembinaan dan keluaran E&E. Sementara itu, eksport ke Indonesia disokong oleh permintaan terhadap keluaran petroleum dan kimia.

Prestasi kukuh industri perkhidmatan pada tahun 2007 dicerminkan oleh perubahan dalam kedudukan **akaun perkhidmatan** daripada defisit kepada lebihan (RM1 bilion atau 0.2% daripada PNK). Peningkatan dalam akaun perkhidmatan disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam eksport perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan yang secara bersama mencakupi lebih daripada dua pertiga daripada jumlah perolehan perkhidmatan kasar. Yang ketara, akaun perjalanan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM26.3 bilion mencerminkan terutamanya pendapatan pertukaran asing yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan ketara ketibaan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007.

Lebihan dalam akaun perkhidmatan disebabkan perolehan pelancongan dan pengangkutan yang lebih tinggi

Ketibaan pelancong berkembang kukuh sebanyak 19.5% kepada 21 juta pelancong disebabkan oleh kempen TMM 2007. Ketibaan pelancong adalah terutamanya dari negara-negara ASEAN, RR China, India dan Timur Tengah. Rangkaian perkhidmatan udara yang lebih besar dan peningkatan tahap pendapatan telah merangsang peningkatan dalam ketibaan pelancong dari negara serantau, sementara proses yang dipermudah dan kelonggaran keperluan visa terus menyokong pertumbuhan ketibaan pelancong dari RR China dan India. Demikian juga, pelancong jarak sederhana dan jauh dari Benua Amerika, Eropah dan Oceania turut meningkat pada tahun itu.

Faktor penyumbang lain kepada penambahbaikan dalam akaun perkhidmatan ialah defisit yang lebih rendah dalam akaun pengangkutan (RM13.5 bilion) disebabkan pendapatan yang lebih tinggi daripada perkhidmatan penumpang, kargo dan sewa. Yang ketara, pendapatan daripada tambang penumpang naik dua kali ganda, disokong oleh permintaan perjalanan yang lebih besar di dalam rantau. Jumlah kargo pemunggahan lebih tinggi yang berpunca sebahagian besarnya dari Hong Kong SAR, RR China, China Taipei, Jepun dan Singapura telah membawa kepada peningkatan

Jadual 1.20
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2006	2007*a*		
	RM bilion			
	Bersih	+	–	Bersih
Akaun Perkhidmatan	**-6.9**	**97.1**	**96.1**	**1.0**
% daripada PNK	*-1.2*			*0.2*
Pengangkutan	-19.6	24.2	37.7	-13.5
Perjalanan	23.5	44.3	18.0	26.3
Perkhidmatan lain	-10.4	28.3	39.7	-11.4
Urus niaga Kerajaan t.d.t.l.	-0.4	0.3	0.7	-0.4
Akaun Pendapatan	**-17.4**	**38.8**	**52.5**	**-13.7**
% daripada PNK	*-3.1*			*-2.2*
Pampasan pekerja	-0.3	5.4	5.9	-0.5
Pendapatan pelaburan	-17.1	33.4	46.6	-13.2

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pendapatan daripada aktiviti pemunggahan. Dari aspek pembayaran, aliran keluar bagi tambang pengangkutan yang sebahagian besarnya adalah untuk pengangkutan laut, meningkat pada kadar yang lebih perlahan berikutan pertumbuhan yang sederhana dalam perdagangan.

Akaun perkhidmatan lain mencatat defisit yang tinggi sedikit, iaitu sebanyak RM11.4 bilion, mencerminkan terutamanya aliran keluar bersih untuk royalti dan fi lesen serta pembayaran untuk perkhidmatan profesional dan kewangan, sementara permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi dan pembinaan yang diimport

Rajah 1.35
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan



a Anggaran
Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

meningkat. Aliran keluar untuk royalti dan fi lesen mencerminkan pemerolehan dan penggunaan berterusan hak harta intelek. Aliran keluar bersih untuk perkhidmatan kewangan dan insurans disebabkan terutamanya pembayaran terhadap caj kustodian, fi komitmen pinjaman, serta insurans semula risiko tinggi dan khusus. Permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan perantauan, transmisi imej dan telepersidangan mendorong kepada aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam perkhidmatan komunikasi. Sementara itu, pembayaran yang lebih besar untuk perkhidmatan pembinaan mencerminkan peningkatan import perkhidmatan untuk loji kuasa dan petrokimia serta pembangunan telaga laut dalam bagi industri minyak dan gas.

Aliran keluar dalam akaun perkhidmatan lain dikurangkan oleh aliran masuk disebabkan komisen yang diperoleh daripada pemerolehan barangan di luar negara untuk dijual semula kepada bukan pemastautin dan juga eksport perkhidmatan komputer dan IT. Pendapatan komisen daripada aktiviti perdagangan antarabangsa kekal mapan, mencerminkan penyertaan berterusan pedagang Malaysia dalam pasaran antarabangsa. Perdagangan terutamanya dalam barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit serta keluaran berkaitan petroleum, dengan sebahagian besar perolehan adalah dari AS dan Singapura. Sejajar dengan pengembangan dalam industri SSO dan pembangunan produk aplikasi perisian baharu untuk sektor ICT, perolehan daripada eksport komputer dan perkhidmatan IT bertambah baik. Pertumbuhan disokong oleh pusat-pusat SSO institusi kewangan serta pusat IT serantau bagi syarikat minyak dan gas yang menyediakan sokongan teknikal, kejuruteraan, penyelidikan, dan penyelesaian pembangunan untuk syarikat sekutu. Negara-negara serantau, dalam usaha masing-masing untuk meningkatkan perkhidmatan IT telah muncul sebagai pasaran eksport bagi perisian dan perkhidmatan sokongan IT Malaysia.

Akaun pendapatan terus bertambah baik pada tahun 2007, dengan defisit menurun kepada RM13.7 bilion atau 2.2% daripada PNK. Keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat Malaysia, khususnya dalam sektor perkilangan, perlombongan dan kewangan, meningkat kepada RM14.7 bilion, mencerminkan kejayaan operasi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Penambahbaikan dalam akaun

Rajah 1.36
Pendapatan Pelaburan Langsung



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pendapatan juga disebabkan oleh pulangan terhadap pegangan rizab luar yang lebih tinggi. Sementara itu, keuntungan dan dividen terakru kepada pelabur asing di Malaysia terus besar disebabkan Malaysia terus menjadi pusat keberuntungan untuk MNC global. Kira-kira separuh daripada keuntungan dan dividen ini dikekalkan di Malaysia untuk pelaburan semula.

Akaun Kewangan

Pada tahun 2007, **akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM37 bilion, disebabkan aliran keluar bersih pelaburan lain menjadi sederhana, sementara pelaburan langsung luar negeri bersih yang lebih besar oleh syarikat Malaysia telah diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk bersih FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi. Lebihan akaun semasa yang kukuh adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai aliran keluar dalam akaun kewangan.

Pada tahun itu, aliran masuk kasar **FDI** terus meningkat kepada RM46.1 bilion atau bersamaan dengan 7.4% daripada PNK. Aliran masuk FDI kasar adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan (38%), perkhidmatan (24%), pertanian (20%) dan minyak dan gas (18%). FDI kasar yang lebih besar pada tahun itu disebabkan terutamanya oleh aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi, yang sebahagian besarnya daripada pemerolehan kepentingan tempatan yang meningkat oleh syarikat-syarikat asing. Sementara itu, pendapatan MNC sedia ada yang dikekalkan untuk pelaburan semula dan aliran masuk hasil

daripada pengambilan pinjaman antara syarikat dapat dikekalkan. Perkembangan ini menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia dan bahawa negara ini masih menjadi sebuah destinasi tarikan pelaburan. Selepas mengambil kira pelarasan bagi aliran keluar yang berpunca terutamanya daripada pembayaran balik pinjaman kepada syarikat induk di luar negeri, aliran bersih FDI meningkat kepada RM29.1 bilion atau 4.6% daripada PNK.

Aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi mencerminkan peningkatan peluang dan keyakinan yang teguh terhadap ekonomi Malaysia. Kapasiti yang bertambah dan minat yang meningkat daripada syarikat Malaysia untuk mengembangkan dan mempelbagaikan operasi ke luar negeri, menyebabkan aliran keluar pelaburan luar negeri yang lebih banyak

Sektor perkilangan terus menarik aliran masuk FDI yang agak besar walaupun terdapat kelembapan dalam eksport produk E&E. FDI dalam industri E&E dibiayai terutamanya oleh perolehan tertahan dan sebahagian besarnya adalah untuk peningkatan kelengkapan dan teknologi serta mewujudkan barisan keluaran dan kapasiti yang baharu. Aktiviti huluan yang pesat dalam sektor minyak dan gas menyediakan rangsangan kepada pertumbuhan pelaburan dalam industri penapisan petroleum dan industri keluaran berkaitan petroleum. Aliran masuk baharu modal ekuiti adalah disebabkan terutamanya oleh pemerolehan kepentingan yang besar dalam syarikat Malaysia, dalam industri kertas dan yang berkaitan dengan kertas oleh pelabur berpangkalan di India dan Australia.

Dalam *sektor perkhidmatan*, FDI terus kukuh dan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan dan insurans; harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; perdagangan borong dan runcit; serta penginapan dan restoran. Inisiatif

Jadual 1.21
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2006	2007*a*
	RM bilion	
Akaun Kewangan	**-43.5**	**-37.0**
Pelaburan Langsung	**...**	**-8.8**
Di Malaysia	22.2	29.1
Di luar negeri	-22.2	-37.9
Pelaburan Portfolio	**12.9**	**18.4**
Pelaburan Lain	**-56.4**	**-46.6**
Sektor awam[1]	-8.0	-5.8
Kerajaan Persekutuan	*-3.1*	*-2.3*
PABK	*-5.0*	*-3.5*
Sektor swasta	-48.4	-40.8

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
[1] Tidak termasuk bon dan nota yang diterbitkan di luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK
a Anggaran
... Terlalu kecil

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), termasuk liberalisasi pemilikan asing dalam kewangan Islam, telah membuahkan hasil yang positif sebagaimana yang dimanifestasikan dalam peningkatan kepentingan dan pelaburan asing dalam perbankan Islam dan takaful pada tahun itu. Yang ketara, lesen perbankan dan takaful yang baharu, telah dianugerahkan kepada sebuah bank Islam antarabangsa dan sebuah pengendali takaful asing untuk beroperasi di Malaysia. Sementara itu, terdapat pemerolehan kepentingan yang besar dalam dua institusi perbankan tempatan oleh bank asing dari Hong Kong SAR dan Australia. Peningkatan minat asing untuk mewujudkan operasi perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (*shared services and outsourcing*, SSO) di Malaysia telah dicerminkan dengan bermulanya operasi 19 buah syarikat SSO baharu milik penuh asing di bawah status Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 2007. Pelaburan asing dalam subsektor perdagangan borong dan runcit dicerminkan oleh pengembangan saluran dagang runcit sedia ada dan pewujudan saluran dagang baharu di bandar dan di perbandaran baru muncul, sejajar dengan penggunaan dalam negeri dan aktiviti pelancongan yang kukuh.

Harga minyak mentah yang kukuh dan permintaan global yang teguh serta penemuan medan minyak dan gas laut dalam luar pesisir di Sabah dan Terengganu pada tahun-tahun kebelakangan ini membawa kepada aliran masuk

Rajah 1.37
Akaun Kewangan



a Anggaran

FDI yang ketara ke dalam *sektor minyak dan gas*. Pelaburan dari operasi cari gali hingga ke aktiviti pengeluaran dan pembangunan, kebanyakannya dilaksanakan oleh PETRONAS melalui usaha sama dengan rakan niaga antarabangsa melalui kontrak perkongsian pengeluaran. Sementara itu, aliran masuk FDI ke dalam *sektor pertanian* disebabkan terutamanya oleh penggabungan dan penyusunan semula sebuah syarikat perladangan kelapa sawit Malaysia bersama dengan rakan niaganya yang berpangkalan di Singapura.

Pada tahun 2007, Kerajaan terus mengambil langkah dasar dan melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan lagi iklim perniagaan dan pelaburan di Malaysia dan dengan demikian, menarik lebih banyak FDI. Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dibentuk untuk meneliti dan menambahbaikkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos untuk menjalankan perniagaan. Beberapa bidang penting dalam sistem penyampaian berkaitan dengan operasi pelaburan dan perniagaan diperkemas dan ditambahbaikkan pada tahun itu. Ini termasuklah pemprosesan pas kerja ekspatriat, pendaftaran perniagaan, penilaian kesan alam sekitar dan juga pemulangan balik cukai kepada perusahaan perniagaan.

Sementara itu kerajaan juga mengumumkan insentif cukai yang lumayan dan memberi fleksibiliti kepada pelabur asing untuk melabur dan menjalankan operasi di tiga koridor ekonomi, iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Persekitaran pelaburan dan perniagaan yang menyokong adalah seiring dengan matlamat untuk merancakkan pelaburan dalam subsektor perkhidmatan baharu seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan, aktiviti perkilangan dan pertanian dengan nilai ditambah yang tinggi, pelancongan dan juga industri minyak dan gas. Dalam bajet 2008, Kerajaan mengumumkan liberalisasi selanjutnya bagi pemilikan asing dalam perniagaan pengurusan dana Islam dan memudahkan pengeluaran visa dan permit untuk ekspatriat bagi memudahkan pengambilan pekerja berkemahiran tinggi dan profesional untuk memenuhi permintaan industri.

Sementara FDI terus penting dalam pelan pembangunan jangka panjang Malaysia, Kerajaan juga memainkan peranan yang aktif untuk menyokong inisiatif oleh syarikat Malaysia untuk mempelbagaikan dan mengembangkan operasi masing-masing di luar negeri. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia pada April 2007 telah meliberalkan lagi peraturan pentadbiran pertukaran asing lagi peraturan yang membabitkan pelaburan luar negeri.

Pada tahun 2007, **pelaburan langsung luar negeri** oleh syarikat Malaysia meningkat dengan ketara kepada RM37.9 bilion, mencerminkan keupayaan yang meningkat dan bertambahnya minat syarikat Malaysia untuk merebut peluang di luar negeri. Sebahagian besar pelaburan ini dilakukan melalui pemerolehan kepentingan yang besar dalam operasi atau perniagaan yang sedia ada di luar negeri. Dalam *sektor perkhidmatan*, sebuah syarikat perjudian dan peranginan tempatan telah meningkatkan kehadirannya di rantau ini dan juga di pasaran lebih maju melalui pengambilalihan operasi sedia ada dan penyertaan dalam pembangunan operasi yang baharu. Syarikat perkapalan dan telekomunikasi domestik juga telah meningkatkan pelaburan masing-masing di pasaran sedang pesat membangun seperti Indonesia, Bangladesh dan Brazil. Pengembangan dan pelaburan baharu ini mencerminkan daya saing dan kecanggihan syarikat Malaysia yang tinggi untuk menjadi peserta di peringkat rantau dan global. Sementara itu, dalam *sektor minyak dan gas*, PETRONAS terus mengadakan perkongsian dengan beberapa syarikat minyak asing untuk aktiviti cari gali. Pelaburan luar negeri dalam *sektor pembinaan* terus ketara susulan kejayaan syarikat Malaysia

dalam pembidaan dan kerja yang berterusan bagi beberapa projek infrastruktur besar, jalan dan lebuh raya di luar negeri, terutamanya di Timur Tengah, Asia Selatan dan ASEAN.

Pada tahun 2007, terdapat aliran dua hala dana portfolio yang besar, dengan episod pembalikan disebabkan terutamanya oleh perkembangan luar negeri. Pada tahun itu secara keseluruhannya, **pelaburan portfolio** mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM18.4 bilion. Aliran masuk bersih besar pada separuh tahun pertama, yang didorong terutamanya oleh sentimen positif pelabur yang kukuh, lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih pada separuh tahun kedua yang disebabkan terutamanya oleh kebimbangan berkaitan dengan masalah subprima AS. Pada suku pertama tahun itu, aliran masuk dana portfolio asing yang kukuh adalah untuk pembelian ekuiti dan sekuriti hutang, disokong oleh sentimen pelabur yang bertambah baik disebabkan oleh asas ekonomi yang lebih kukuh dan faktor-faktor tarikan yang positif, termasuk pengumuman insentif khas untuk mempromosikan pelaburan di IDR, pengecualian pemansuhan cukai keuntungan hartanah dan juga jangkaan peningkataan nilai ringgit. Pada suku kedua, pelabur asing menjual sebahagian daripada pemegangan ekuiti dan mengalihkan pengagihan aset masing-masing kepada sekuriti hutang dengan penarafan tinggi. Ketidaktentuan yang memuncak dalam pasaran kewangan global yang berpunca daripada masalah subprima AS membawa kepada penjualan bersih ekuiti dan sekuriti hutang oleh pelabur asing pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, aliran masuk dana asing untuk pelaburan dalam pasaran hutang diteruskan semula pada suku keempat sementara pelabur asing terus bersikap berhati-hati terhadap pelaburan dalam pasaran ekuiti.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM46.6 bilion pada tahun 2007, mencerminkan aliran keluar bersih yang lebih rendah oleh sektor rasmi dan sektor swasta. **Sektor rasmi** mencatat satu lagi pembayaran balik bersih hutang luar negeri, mencerminkan pembayaran balik bersih pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Sementara itu, pelaburan lain oleh **sektor swasta**, yang merangkumi terutamanya peminjaman dan pemberian pinjaman, dan penyimpanan dan pengeluaran deposit oleh sektor perbankan dan juga urus niaga sektor swasta bukan bank dengan rakan niaga yang tiada kaitan, mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah. Aliran keluar sektor perbankan, meskipun lebih rendah, mencerminkan terutamanya penempatan aset di luar negeri berikutan pempelbagaian portfolio yang meningkat oleh bank dan kemudahan mendapatkan pertukaran asing dari pasaran domestik. Sementara itu, aliran keluar oleh sektor swasta bukan bank disebabkan terutamanya oleh kredit perdagangan yang diberikan oleh pengeksport Malaysia, pembayaran balik kredit perdagangan oleh pengimport, dan penyimpanan deposit dengan institusi kewangan di luar negeri.

Hutang Luar Negeri

Malaysia terus melaksanakan strategi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat di samping memudahkan operasi perniagaan. Dalam hal ini, peraturan peminjaman mata wang asing oleh pemastautin telah diliberalkan secara progresif untuk membolehkan pemastautin mendapatkan pembiayaan mata wang asing pada kos yang kompetitif. Memandangkan persekitaran perniagaan global yang dinamik dan semakin pesat berkembang, penekanan yang lebih besar telah diberikan oleh Bank Negara Malaysia terhadap peningkatan keupayaan pengurusan risiko untuk mengurangkan pendedahan risiko terhadap pergerakan kadar faedah dan kadar pertukaran global serta peralihan dalam sentimen pelabur. Pengurusan hutang luar negeri disokong oleh sistem pemantauan hutang yang komprehensif yang membolehkan pihak berkuasa memantau paras hutang keseluruhan, struktur hutang dan tanggungjawab melunaskan khidmat bayaran hutang oleh sektor awam dan swasta.

Pada akhir tahun 2007, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM187.4 bilion (atau USD56 bilion), atau bersamaan dengan 29.9% daripada PNK. Walaupun jumlah hutang luar negeri meningkat dengan sederhana, keupayaan negara untuk melunaskan khidmat bayaran hutang terus meningkat. Ini boleh dilihat dalam penurunan nisbah jumlah hutang luar negeri kepada rizab antarabangsa serta eksport barangan dan perkhidmatan masing-masing kepada 55.8% dan 26.7% (akhir tahun 2006: masing-masing 63.5% dan 27.5%). Nisbah khidmat bayaran hutang keseluruhan (tidak termasuk prabayaran) menurun (3.8%; 2006: 4.8%). Di samping itu, profil hutang luar negeri terus cenderung ke arah struktur

matang yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan panjang mencakupi 70.9% daripada jumlah hutang. Hutang luar negeri jangka pendek kekal rendah, mencakupi hanya kira-kira 8.7% daripada PNK, 16.2% daripada rizab antarabangsa dan 7.7% daripada eksport barangan dan perkhidmatan.

Kedudukan hutang luar negeri terus berada pada paras berhemat, dengan profil hutang cenderung kepada struktur matang yang lebih panjang. Sektor awam terus mencatat pembayaran balik bersih

Pada tahun 2007, **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** menurun, terutamanya disebabkan hutang luar negeri sektor awam yang lebih rendah. Sektor awam, merangkumi Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK), mencatat pembayaran balik bersih hutang luar negeri bagi tahun kelima berturut-turut (-RM10.4 bilion). Pada tahun 2007, **Kerajaan Persekutuan** mengekalkan amalan mendapatkan keperluan pembiayaan sebahagian besarnya daripada sumber dalam negeri bukan inflasi. Untuk tahun keempat berturut-turut, tiada pinjaman pasaran diperoleh daripada pasaran modal antarabangsa. Pengambilan pinjaman luar negeri keseluruhannya mencerminkan pinjaman projek yang diambil terdahulu daripada sumber rasmi dua hala dan bank pembangunan pelbagai hala. Sementara itu, pembayaran balik pinjaman luar negeri meningkat, disebabkan terutamanya oleh kematangan Sukuk Global berdaulat bernilai USD600 juta dan prabayaran pinjaman projek. **PABK** mencatat pembayaran balik bersih bagi tahun keenam berturut-turut pada tahun 2007. Pembayaran balik pinjaman bersih yang lebih besar mencerminkan terutamanya kematangan bon-bon yang diterbitkan oleh syarikat dalam subsektor elektrik, gas dan air, sektor minyak dan gas, serta subsektor kewangan dan insurans, dan prabayaran balik pinjaman yang lebih tinggi. Usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengurangkan pendedahan terhadap hutang luar negeri melalui prabayaran dilaksanakan sebahagian besarnya oleh syarikat dalam sektor perkilangan dan subsektor komunikasi.

Sementara itu, **sektor swasta** mencatat pengambilan bersih hutang luar negeri berjumlah

Jadual 1.22
Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2006	2007*a*	2006	2007*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**184.5**	**187.4**	**51.7**	**56.0**
Jangka sederhana dan panjang	141.7	133.0	39.7	39.7
Jangka pendek[1]	42.8	54.5	12.0	16.3
% daripada jumlah hutang	*23.2*	*29.1*		
% daripada rizab antarabangsa bersih	*14.7*	*16.2*		
% daripada PNK				
Jumlah hutang	33.2	29.9		
Hutang jangka sederhana dan panjang	25.5	21.2		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	27.5	26.7		
Hutang jangka sederhana dan panjang	21.2	18.9		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**4.8**	**3.8**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.38
Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
a Awalan

RM8.6 bilion pada tahun 2007, mencerminkan sebahagian besarnya pengambilan pinjaman yang lebih tinggi terutamanya oleh syarikat dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan; dan komunikasi. Pengambilan pinjaman yang lebih besar sebahagian besarnya adalah untuk membiayai perbelanjaan modal sejajar dengan aktiviti pelaburan swasta yang lebih giat pada tahun 2007. Pembayaran balik pada tahun 2007 adalah terutamanya oleh syarikat dalam subsektor kewangan dan insurans; dan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, serta sektor perkilangan. Sementara hutang jangka sederhana dan panjang sektor swasta mencakupi 53.8% daripada jumlah hutang jangka sederhana dan panjang, kira-kira dua pertiga daripada pinjaman ini adalah pinjaman antara syarikat yang mempunyai terma yang fleksibel dan kadar faedah konsesi.

Pada tahun 2007, **hutang luar negeri jangka pendek** terkumpul meningkat kepada RM54.5 bilion (akhir tahun 2006: RM42.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank berikutan operasi perbendaharaan. Sementara itu, hutang luar negeri jangka pendek bagi sektor swasta bukan bank, yang merangkumi terutamanya kredit pusingan dan kemudahan overdraf adalah lebih rendah, mencakup bahagian yang lebih kecil daripada jumlah hutang luar negeri jangka pendek (22.6%; akhir tahun 2006: 32.7%).

Hutang luar negeri Malaysia terus mendapat manfaat daripada penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama pada tahun 2007. Keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang berjumlah RM6.7 bilion telah menyumbang kepada hutang jangka sederhana dan panjang terkumpul yang lebih rendah. Tambahan pula, nilai ringgit yang lebih kukuh juga telah mengurangkan penjelasan khidmat bayaran hutang pada tahun 2007.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia terdiri daripada pegangan pertukaran asing dan emas, kedudukan rizab IMF dan pegangan Hak Pengeluaran Khas (*Special Drawing Rights*, SDR). Pada tahun 2007, rizab antarabangsa bersih meningkat RM45.3 bilion kepada RM335.7 bilion (bersamaan USD101.3 bilion) pada 31 Disember 2007. Peningkatan rizab disebabkan terutamanya oleh lebihan dagangan besar yang disokong oleh eksport komoditi yang kukuh serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih besar, mencerminkan prospek ekonomi yang bertambah baik dan keyakinan pelabur yang kukuh. Rizab meningkat lagi kepada RM384.1 bilion (bersamaan USD116.3 bilion) pada 29 Februari 2008, memadai untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 7.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Peningkatan rizab disebabkan oleh lebihan dagangan besar yang disokong oleh eksport komoditi yang kukuh, serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih besar, mencerminkan prospek ekonomi yang bertambah baik dan keyakinan pelabur yang kukuh

Pada tahun 2007, aliran masuk pertukaran asing dijanakan daripada penghantaran balik perolehan eksport, disokong oleh eksport komoditi yang kukuh dan aliran masuk FDI dan pelaburan potfolio yang lebih besar, berikutan prospek ekonomi dan keyakinan pelabur yang bertambah baik. Sementara itu, aktiviti ekonomi yang lebih kukuh dan prestasi korporat yang lebih baik telah menyebabkan aliran keluar yang lebih tinggi melalui peningkatan pembayaran untuk barangan import dan perkhidmatan, serta penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh syarikat asing yang beroperasi di Malaysia. Pelaburan luar negeri yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia pada tahun itu turut menyumbang kepada aliran keluar.

Pada tahun itu, jumlah pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing adalah RM5.6 bilion, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama, khususnya pada suku pertama dan keempat tahun 2007.

Malaysia, sebagai sebuah negara yang mempunyai kedudukan imbangan pembayaran kukuh, kekal sebagai anggota peserta dalam Pelan Transkasi Kewangan yang menyediakan sumber kepada negara-negara anggota yang mengalami

Jadual 1.23
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun			Perubahan
	2005	2006	2007	2007
	RM juta			
Milikan SDR	748.3	756.9	760.9	4.0
Kedudukan rizab dengan IMF	1,186.3	793.4	617.5	-175.9
Emas dan pertukaran wang asing[1]	263,328.0	288,871.2	334,338.6	45,467.4
Rizab Antarabangsa Kasar	**265,262.7**	**290,421.5**	**335,717.0**	**45,295.5**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	22.5	22.9	22.2	-0.7
Rizab Antarabangsa Bersih	**265,240.2**	**290,398.6**	**335,694.8**	**45,296.2**
Nilai dalam USD juta	**70,193.4**	**82,450.8**	**101,338.1**	**18,887.3**
Bulan import tertangguh	7.7	7.8	8.4	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	5.6	6.9	6.2	

[1] 'Tuntutan Mata Wang Asing Lain Terhadap Pemastautin' kini diklasifikasikan semula daripada 'Emas dan Pertukaran Wang Asing' kepada 'Aset-aset Lain' Bank Negara Malaysia

Rajah 1.39
Rizab Antarabangsa Bersih (akhir bulan)



masalah imbangan pembayaran jangka pendek. Penyusutan dalam **kedudukan rizab dengan IMF** pada tahun 2007 disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik ke akaun ringgit oleh beberapa negara anggota di bawah Pelan Transaksi Kewangan. Sementara itu, peningkatan dalam rizab antarabangsa yang dipegang dalam bentuk **SDR** disebabkan terutamanya oleh perolehan imbuhan hasil daripada kedudukan pemiutang bersih Malaysia dengan IMF.

Bank Negara Malaysia terus mengekalkan portfolio yang pelbagai dalam pengurusan rizab antarabangsa. Ini sebagai tambahan kepada matlamat tradisi pemeliharaan modal dan kecairan. Pihak Bank terus mengkaji dan menilai kelas-kelas aset baharu, instrumen-instrumen dan mata wang untuk dimasukkan ke dalam portfolio pelaburan untuk meningkatkan pulangan berlaraskan risiko ke atas rizab. Bank juga memperkenalkan tanda aras pelaburan baharu pada awal tahun 2007 yang termasuk sebahagian daripada kelas-kelas aset baharu dan mata wang tambahan, dengan menggabungkan pendekatan yang lebih strategik dan jangka panjang dalam pengurusan rizab. Pelengkap kepada ini, teknik pengurusan risiko baharu yang menggunakan lebih banyak alat kuantitatif seperti *value–at–risk* dan pengesan kesilapan, telah diterima pakai untuk meningkatkan pengurusan risiko pasaran rizab, sementara rangka kerja tadbir urus diperkukuh untuk membolehkan struktur pengurusan pelaburan yang lebih efisien dan berkesan. Selain semua ini, sebagai sebahagian daripada strategi pempelbagaian, Bank juga memberikan mandat pelaburan baharu kepada pengurus dana global yang tertentu, untuk kelas-kelas aset yang lebih khusus.

Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia tetap boleh guna dan tiada halangan untuk menggunakannya. Rizab tersebut tidak mengandungi pinjaman dalam mata wang asing yang berserta opsyen; dan tidak terdapat kemudahan kredit tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberikan oleh atau kepada bank-bank pusat lain, organisasi antarabangsa, bank dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terbabit dengan aktiviti berkaitan dengan opsyen dalam pasaran mata wang asing.

Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Pembangunan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang kukuh dan dinamik merupakan agenda nasional yang penting untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang. Pada tahun 2007, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan[1] (Majlis) mengambil langkah selanjutnya untuk merangsang pembangunan PKS ke tahap lebih tinggi dengan mengukuh infrastruktur bagi membolehkan pembangunan PKS, membina kapasiti dan keupayaan PKS, dan menambah baik akses kepada pembiayaan bagi PKS.

Profil dan Sumbangan PKS kepada Ekonomi

Banci Pertubuhan dan Enterpris telah dijalankan pada tahun 2005 (Banci 2005) dan menyediakan data penting mengenai profil dan prestasi PKS bagi memudahkan perumusan dasar dan strategi yang berkesan untuk menyokong pembangunan PKS. Berdasarkan maklum balas daripada 552,804 perusahaan perniagaan, PKS merupakan 99.2% atau 548,267 daripada pertubuhan perniagaan di Malaysia, dengan hampir 80% atau kira-kira 435,300 merupakan perusahaan mikro. Hasil banci tersebut menunjukkan bahawa 87% daripada PKS terbabit dalam sektor perkhidmatan, diikuti oleh 7.2% daripada PKS dalam sektor perkilangan dan 6.2% dalam sektor pertanian.

Pencapaian Inisiatif Pembangunan PKS

Sejak penubuhan Majlis pada tahun 2004, asas untuk pembangunan PKS telah diperkukuh dengan ketara. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Majlis dan telah memberikan manfaat kepada penggubal dasar dengan penambahbaikan terhadap perumusan dasar, pemantauan dan penilaian program pembangunan PKS. Ini telah memperkukuh kapasiti dan keupayaan, meningkatkan akses kepada pembiayaan dan menyediakan penyebaran maklumat yang relevan dan penting secara meluas kepada PKS.

Inisiatif Utama dan Pencapaian pada Tahun 2007

Majlis telah melaksanakan beberapa inisiatif penting untuk pembangunan PKS pada tahun 2007:

(i) Penubuhan Agensi Penyelaras Pusat PKS

Pada mesyuarat Majlis yang ketujuh pada bulan September, Majlis bersetuju untuk menubuhkan sebuah Agensi Penyelaras Pusat PKS (Agensi), yang merupakan sebuah agensi Kerajaan yang khusus untuk menerajui pembangunan PKS di Malaysia. Peranan utama Agensi ini adalah untuk menyelaras perumusan dasar dan program pembangunan PKS bagi memastikan program-program yang komprehensif dan berkesan dilaksanakan dalam semua sektor ekonomi negara. Agensi ini juga akan berperanan sebagai pusat maklumat sehenti bagi PKS untuk mendapatkan maklumat komprehensif dan khidmat nasihat dalam bidang penghasilan pelan perniagaan, pemasaran, penerapan teknologi, perkhidmatan maklumat dan khidmat nasihat kewangan. Agensi ini juga akan menyebarkan maklumat mengenai prestasi dan perangkaan PKS, dan menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu berkaitan PKS dan pembangunan PKS. Dengan penubuhan Agensi ini, Bank Negara Malaysia akan menyerahkan peranan Sekretariat Majlis kepada Agensi tersebut.

(ii) Laporan Tahunan PKS 2006

Pada 13 September 2007, Majlis melancarkan Laporan Tahunan PKS 2006. Laporan ini merupakan inisiatif penting untuk menyebarkan maklumat mengenai strategi dan program yang telah dilaksanakan Kerajaan bagi menyokong pembangunan dan perkembangan sektor PKS. Laporan ini turut memaparkan kisah-kisah kejayaan PKS.

(iii) Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS

Penubuhan Rangkaian Penasihat Perniagaan PKS, iaitu direktori sehenti berasaskan web dalam portal SMEinfo (www.smeinfo.com.my) menyediakan platform kepada penasihat perniagaan PKS

[1] Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diwakili Menteri-Menteri dan Ketua-ketua 15 Kementerian dan Agensi yang terbabit dalam pembangunan PKS. Bank Negara Malaysia merupakan Sekretariat Majlis.

dalam pelbagai agensi Kerajaan dan institusi kewangan untuk saling berhubung dan memanfaatkan bidang kepakaran masing-masing. Rangkaian ini membolehkan PKS mengutarakan pertanyaan dan isu-isu secara dalam talian kepada penasihat perniagaan PKS. Ini membolehkan rangkaian khidmat nasihat bermutu tinggi yang tepat pada masanya dan komprehensif, dalam bidang pemasaran, teknologi dan pengurusan operasi, sumber manusia, pembiayaan dan pembangunan perniagaan dan produk, disediakan kepada PKS. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 200 penasihat perniagaan daripada institusi kewangan dan agensi Kerajaan berkaitan dengan PKS dihubungkan melalui rangkaian ini bagi menyediakan khidmat nasihat komprehensif secara dalam talian kepada PKS.

(iv) Program Pembangunan Jenama PKS

Program Pembangunan Jenama PKS yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bertujuan untuk menggalakkan, memperkukuh dan mengekalkan nilai jenama PKS individu melalui satu *National Mark*. Penerimaan produk dan perkhidmatan PKS dalam pasaran di dalam dan luar negeri akan dipertingkatkan melalui program ini yang bermatlamat untuk menggalakkan pengiktirafan *National Mark* tersebut. Matlamat program adalah untuk mewujudkan 100 jenama PKS di luar negara dalam tempoh empat tahun. Di bawah program ini, PKS yang dipilih daripada sektor-sektor sasaran akan dibantu untuk membangunkan jenama produk mereka. PKS akan diberi pengiktirafan melalui persijilan dan dibenarkan menggunakan *National Mark* tersebut selepas berjaya menjalani proses pengauditan untuk memastikan keupayaan, kesediaan dan komitmen terhadap penjenamaan.

(v) Penubuhan Pusat Rujukan Inovasi PKS Kebangsaan

Pusat Rujukan Inovasi PKS Kebangsaan ditubuhkan pada bulan Mac 2007. Pusat ini merupakan kerjasama antara persatuan industri, usahawan, institusi penyelidikan, pembiaya kewangan (termasuk pemodal usaha niaga) dan agensi Kerajaan yang berkenaan dalam perumusan inisiatif dan program bagi pembangunan PKS yang dipacu inovasi. Sejak ditubuhkan, pusat ini telah membina pangkalan data yang menyimpan penemuan penyelidikan berkaitan teknologi dan melalui Program *Technology Foresight*, PKS telah dapat mengikuti maklumat terkini mengenai teknologi amalan terbaik. Pameran Teknologi dan Inovasi telah dianjurkan pada bulan Jun 2007, dengan sebanyak 53 projek penyelidikan yang sedia-untuk-dikomersialkan telah dipamerkan, dan daripada jumlah ini sebanyak 22 projek diterima pakai oleh PKS. Di bawah Program Pembekal Global, PKS digalakkan untuk membangunkan dan mengkomersialkan produk dan perkhidmatan baharu dan inovatif untuk pasaran antarabangsa.

Peningkatan Akses Kepada Pembiayaan Bagi PKS

Landskap Pembiayaan PKS yang Komprehensif

Landskap pembiayaan mengalami perubahan yang berterusan untuk memenuhi keperluan PKS sepanjang tiga peringkat utama kitaran hayat perniagaan, iaitu permulaan perniagaan, pengembangan perniagaan dan pemulihan. Terdapat pelbagai sumber pembiayaan bagi PKS daripada institusi kewangan, merangkumi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, serta syarikat modal usaha niaga yang menyediakan pembiayaan ekuiti. Selain itu, pelbagai dana dan skim khas untuk PKS telah diwujudkan oleh Kerajaan.

Institusi kewangan terus menjadi sumber pembiayaan terbesar bagi PKS. Pada akhir tahun 2007, jumlah pembiayaan terkumpul institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan berjumlah RM128 bilion dan disalurkan kepada 625,167 akaun PKS. Institusi perbankan merupakan penyedia utama pembiayaan untuk PKS, mencakupi lebih 89% atau RM114.2 bilion daripada jumlah pembiayaan terkumpul yang disediakan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan.

Landskap Pembiayaan PKS yang Komprehensif

625,167 akaun[1] PKS dengan pembiayaan berjumlah RM128b pada akhir tahun 2007

Institusi Perbankan
- **47** bank dengan **3,359** cawangan
- **RM114.2b** pembiayaan terkumpul kepada **518,446** akaun PKS pada akhir tahun 2007
- 2007: **RM55.1b** pembiayaan diluluskan kepada **109,497** akaun PKS

Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
- **6** IKP dengan **677** cawangan
- **RM13.8b** pembiayaan terkumpul kepada **106,721** akaun PKS pada akhir tahun 2007
- 2007: **RM8.1b** pembiayaan diluluskan kepada **23,477** akaun PKS

Modal Usaha Niaga
- **52** syarikat modal usaha niaga
- Jumlah pelaburan terkumpul **RM1.8b** dalam **433** syarikat pada akhir tahun 2007
- 2007: **RM479j** dilaburkan

Syarikat Pemajakan dan Pemfaktoran
- **RM2.0b** pinjaman terkumpul pada akhir tahun 2007
- 2007: **RM792.3j** diluluskan

Pembiayaan Institusi Perbankan dan Institusi Kewangan Pembangunan termasuk:

5 Dana Khas PKS Bank Negara Malaysia
- **RM16.1b** pembiayaan diluluskan kepada **33,717** akaun PKS
- **RM7.6b** jumlah terkumpul pada akhir tahun 2007
- 2007: **RM2.7b** diluluskan kepada **4,859** akaun PKS

100 Dana dan Skim Kerajaan[2]
- **RM85.5b** diluluskan kepada **1.3j** akaun PKS pada akhir tahun 2007
- **RM7.0b** jumlah pembiayaan terkumpul pada akhir tahun 2007
- 2007: **RM13.7b** diluluskan kepada **243,203** akaun PKS

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil
- Sejak penubuhan, penyusunan semula pinjaman tak berbayar bagi **565** PKS berjumlah **RM324j**
- 2007: Penyusunan semula pinjaman tak berbayar bagi **141** PKS berjumlah **RM56.9j**

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Menjamin **RM39.1b** pembiayaan untuk **373,665** akaun PKS sejak tahun 1972
- Menjamin sebanyak **RM14.68b** pembiayaan terkumpul kepada **90,437** akaun PKS pada akhir tahun 2007
- 2007: Menjamin **RM4.0b** pembiayaan untuk **13,008** akaun PKS

Nota 1: Terdiri daripada akaun PKS dengan institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan.
Nota 2: Hanya sebahagian daripada dana dan skim Kerajaan dikeluarkan melalui institusi kewangan pembangunan.

Pengembangan Pembiayaan yang Ketara kepada PKS

Pembiayaan kepada PKS terus berkembang dengan ketara pada tahun 2007. Institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan telah meluluskan RM63.2 bilion kepada lebih 132,000 akaun PKS pada tahun 2007. Pencapaian yang ketara ini mengatasi ramalan sasaran kelulusan pembiayaan untuk tahun 2007, iaitu sebanyak RM51 bilion kepada 110,000 akaun PKS.

Institusi Perbankan: Penunjuk Pembiayaan PKS yang Utama

	Bagi Tahun		
	2007	**2006**	**2007 (% pertumbuhan tahunan)**
Permohonan (RM bilion)	99.1	71.4	38.8
Bilangan Akaun ('000)	*158.2*	*106.0*	*49.2*
Kelulusan (RM bilion)	55.1	40.2	37.1
Bilangan Akaun ('000)	*109.5*	*83.7*	*30.8*
Pengeluaran (RM bilion)	141.5	134.1	5.5
Pembayaran Balik (RM bilion)	126.6	122.5	3.4
	Pada Akhir Tahun		
	2007	**2007**	**2006**
		(% pertumbuhan tahunan)	
Pembiayaan Terkumpul (RM bilion)	114.2	9.1	5.1

Institusi perbankan terus mengembangkan pembiayaan kepada sektor PKS. Permohonan pembiayaan daripada PKS dan pembiayaan yang diluluskan oleh institusi perbankan meningkat dengan kukuh pada tahun 2007. Permohonan dan kelulusan masing-masing meningkat pada kadar tahunan sebanyak 38.8% kepada RM99.1 bilion dan 37.1% kepada RM55.1 bilion. Pengeluaran pembiayaan pula meningkat pada kadar tahunan 5.5% kepada RM141.5 bilion, terutamanya mencerminkan pengeluaran pembiayaan kepada sektor pembinaan dan perkilangan. Pertumbuhan sederhana dalam pengeluaran pembiayaan berbanding dengan pertumbuhan kukuh bagi pembiayaan yang diluluskan berkemungkinan disebabkan oleh kadar penerimaan yang lebih rendah terhadap tawaran pembiayaan kepada PKS. PKS mungkin membuat banyak permohonan pembiayaan daripada beberapa buah bank tetapi hanya menerima tawaran pembiayaan daripada bank yang menawarkan kadar pembiayaan yang paling kompetitif, walaupun permohonan mereka telah diluluskan oleh beberapa buah bank. Selain itu, terdapat juga kemungkinan bahawa penggunaan kemudahan pembiayaan kredit yang lebih rendah oleh PKS.

Peningkatan Pembiayaan kepada PKS



Jumlah pembiayaan PKS terkumpul adalah sebanyak RM114.2 bilion dan mencakupi 17.7% daripada jumlah pembiayaan institusi perbankan, dan merupakan 43.6% daripada jumlah pembiayaan perniagaan pada akhir tahun 2007. Sementara itu, bilangan akaun PKS terkumpul meningkat sebanyak 10,805 akaun kepada 518,446 akaun pada akhir tahun 2007. Pada tahun 2007, pembiayaan yang lebih besar diberikan kepada PKS yang bersaiz lebih besar. Peningkatan dalam saiz pembiayaan yang melebihi RM5 juta (pertumbuhan tahunan +12.6%), lebih tinggi daripada pembiayaan bersaiz kurang daripada RM1 juta (pertumbuhan tahunan +6.3%). Begitu juga, pertumbuhan pembiayaan kepada PKS bersaiz sederhana (pertumbuhan tahunan +13.7%) lebih tinggi berbanding dengan pembiayaan kepada PKS bersaiz kecil (pertumbuhan tahunan +7.1%) dan perusahaan mikro (pertumbuhan tahunan +5.8%).

Pembiayaan Terkumpul (Mengikut Saiz Pembiayaan, tahun 2007, % Pertumbuhan Tahunan)



Pembiayaan Terkumpul (Mengikut Saiz PKS, tahun 2007, % Pertumbuhan Tahunan)



Pembiayaan terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 9.1% pada akhir tahun 2007 berbanding dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 5.1% pada akhir tahun 2006. Ini dipacu terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor pembinaan (9.5%), pertanian utama (4.6%) dan perlombongan (26.2%), dan pertumbuhan tinggi yang berterusan dalam sektor perkhidmatan (10.1%) dan perkilangan (12.8%). Daripada jumlah pembiayaan terkumpul sehingga akhir tahun 2007, hampir 73% disalurkan kepada sektor perkhidmatan (47.4%) dan perkilangan (25.5%), manakala jumlah selebihnya kepada sektor lain termasuk sektor pembinaan (13.2%) dan pertanian utama (4.3%).

Pembiayaan Terkumpul (Mengikut Sektor, tahun 2007, % Pertumbuhan Tahunan)



Pembiayaan Terkumpul (Mengikut Sektor, tahun 2007, % Bahagian)



Pinjaman tak berbayar (NPL) oleh PKS terus bertambah baik disebabkan penyelesaian sepenuhnya atau sebahagian dan pengelasan semula NPL yang lebih tinggi kepada status berbayar, serta usaha-usaha oleh institusi perbankan untuk mengukuhkan kedudukan kewangan melalui hapus kira pinjaman dan penjualan NPL. Ini menyebabkan penurunan NPL sebanyak 3.1% kepada RM10.4 bilion pada akhir tahun 2007 daripada RM10.7 bilion pada akhir tahun 2006. Nisbah NPL PKS kasar juga bertambah baik kepada 9.1% daripada 10.2% pada akhir tahun 2006. Penurunan NPL PKS mengikut sektor dicatat terutamanya dalam sektor pertanian (pertumbuhan tahunan sebanyak -30%), pembinaan (pertumbuhan tahunan sebanyak -15%) dan perkhidmatan (pertumbuhan tahunan sebanyak -7.1%).

Institusi kewangan pembangunan terus melengkapkan institusi perbankan dalam memperluas peruntukan pembiayaan kepada PKS. Pada tahun 2007, kelulusan dan pengeluaran pembiayaan bagi enam institusi kewangan pembangunan[2] di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia masing-masing meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 17.9% kepada RM8.1 bilion dan 15.5% kepada RM4.3 bilion, menunjukkan penerimaan tawaran dan penggunaan kemudahan pembiayaan yang konsisten oleh PKS. Pada akhir bulan Disember 2007, pembiayaan terkumpul institusi kewangan pembangunan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6.8% kepada RM13.8 bilion, mencakupi kira-kira 11% daripada jumlah pembiayaan terkumpul institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan. Sebanyak 72% daripada pembiayaan institusi kewangan pembangunan terkumpul pada akhir bulan Disember 2007 disalurkan kepada sektor perkhidmatan (42.7%) dan pembinaan (29.3%). Bakinya disalurkan kepada sektor lain termasuk pertanian (11.7%) dan perkilangan (8.3%).

Dana Khas Kerajaan untuk PKS

Terdapat 105 Dana Khas Kerajaan untuk PKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM31.8 bilion pada akhir tahun 2007. Dana tersebut yang bertujuan untuk memupuk dan membangunkan PKS, disalurkan kepada PKS melalui institusi kewangan yang dilantik serta pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Lima daripada Dana Khas Kerajaan tersebut dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11.4 bilion ditadbir oleh Bank Negara Malaysia. Dana-dana tersebut ialah:

- Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (saiz dana: RM6.75 bilion);
- Tabung Usahawan Baru 2 (saiz dana: RM2.85 bilion);
- Tabung untuk Makanan (saiz dana: RM1.3 bilion);
- Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil (saiz dana: RM200 juta); dan
- Tabung Projek Usahawan Bumiputera (saiz dana: RM300 juta).

[2] Merangkumi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Export – Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional.

Berikutan satu saranan oleh Bank Negara Malaysia, kajian yang komprehensif sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan keberkesanan dana-dana Kerajaan, termasuk mana-mana yang sesuai, merasionalkan bilangan dana sedia ada agar lebih terfokus dalam memenuhi keperluan pembiayaan PKS.

Kemajuan Dalam Inisiatif Utama untuk Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan bagi PKS pada Tahun 2007

Walaupun trend pembiayaan PKS terus meningkat, inisiatif-inisiatif terus diambil untuk memperkukuh penyedia kewangan, meluaskan saluran pembiayaan dan menangani isu-isu khusus yang dihadapi PKS dalam mengakses pembiayaan yang mencukupi, memastikan agar PKS pada pelbagai peringkat kitaran hayat perniagaan boleh mendapat akses kepada jumlah dan jenis pembiayaan yang diperlukan. Isu-isu khusus yang sedang ditangani pada masa ini termasuk ketidakcukupan cagaran, ketidakcukupan rekod prestasi kewangan, dan ketidakcukupan saiz pembiayaan. Inisiatif ini terus difokuskan pada empat bidang yang luas, iaitu (i) memperkukuh penyedia perkhidmatan kewangan, (ii) memperkukuh infrastruktur kewangan, (iii) menghasilkan produk-produk kewangan baharu untuk PKS dan (iv) mengukuhkan penyediaan khidmat nasihat.

(i) Memperkukuh Penyedia Perkhidmatan Kewangan

(a) Pembangunan Industri Pembiayaan Mikro yang Teguh dan Mampan

Sila rujuk rencana mengenai 'Pembangunan Industri Pembiayaan Mikro yang Teguh dan Mampan'

(b) Transformasi Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)

CGC telah memulakan usaha transformasi pada tahun 2005 untuk mempertingkatkan peranannya dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing. Berikut ialah beberapa inisiatif utama yang dilaksanakan CGC pada tahun 2007:

- Memperluas skop benefisiari jaminan dengan melibatkan bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan tertentu bagi membolehkan jangkauan yang lebih luas kepada PKS;
- Menubuhkan entiti pembiayaan ekuiti, Aureos-CGC Advisors Sdn. Bhd. untuk menyediakan pembiayaan ekuiti kepada PKS;
- Memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu untuk PKS (lihat bahagian mengenai 'Membangunkan produk kewangan baharu untuk PKS'); dan
- Memulakan inisiatif bagi menubuhkan Biro Kredit PKS (lihat bahagian mengenai 'Memperkukuh infrastruktur kewangan').

(c) Transformasi Bank Pertanian Malaysia

Inisiatif untuk menstrukturkan semula dan mengukuhkan Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian) dengan cara yang komprehensif telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan dengan pelulusan rang undang-undang pengkorporatan Bank Pertanian di Parlimen pada bulan Disember 2007. Lanjutan daripada itu, Bank Pertanian yang diperbadankan, dengan modal berbayar sebanyak RM1 bilion, dijangkakan beroperasi pada separuh pertama tahun 2008.

Dengan keupayaan keinstitusian dan kewangan yang lebih kukuh, Bank Pertanian dijangka menjadi lebih efektif dan berperanan penting dalam menyokong dan mempromosikan pembangunan sektor pertanian dan asas tani, dengan menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan dan bukan kewangan yang lebih pelbagai dan lebih inovatif untuk memenuhi keperluan pembiayaan dan pembangunan sektor ini. Di samping itu, Bank Pertanian pada masa ini sedang melaksanakan beberapa siri langkah peningkatan untuk mengukuhkan kapasiti dan keupayaannya, terutama dalam bidang pembangunan produk, pengurusan risiko dan penambahbaikan sistem teknologi maklumat.

(ii) Memperkukuh Infrastruktur Kewangan

(a) Biro Kredit PKS CGC

Bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, CGC mengambil inisiatif pada tahun 2007 untuk menubuhkan Biro Kredit PKS, melalui perkongsian strategik dengan penyedia maklumat kredit PKS utama global. Biro ini ialah bank data kredit yang akan memudahkan pembiayaan kepada PKS dengan menyediakan akses yang mudah, tepat pada masa, dan efisien kepada maklumat kredit mengenai PKS bagi institusi kewangan dan pemberi kredit perdagangan. Melalui operasinya, Biro ini akan membantu PKS membina rekod prestasi yang institusi pembiayaan boleh gunakan untuk menilai permohonan pembiayaan. Di samping itu, PKS juga dapat menikmati syarat-syarat yang lebih baik daripada pemberi kredit perdagangan dan pembekal, melalui akses kepada maklumat pihak ketiga mengenai perniagaan PKS. Biro ini juga diharap memainkan peranan penting dalam menyemai amalan pengurusan kewangan yang berhemat dan kukuh dalam kalangan PKS, yang dengannya PKS dapat mengambil langkah pemulihan secukupnya bagi menangani kelemahan yang ditonjolkan melalui penarafan yang diberikan. Biro ini dijangka beroperasi pada separuh kedua tahun 2008. PKS boleh mendaftar sebagai ahli Biro di www.smecreditbureau.com.my.

(b) Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil yang diwujudkan pada tahun 2003 terus memudahkan penyusunan semula NPL bagi PKS yang masih menjalankan perniagaan. Pada akhir tahun 2007, sebanyak 726 permohonan dengan jumlah NPL sebanyak RM486 juta telah diterima. Daripada jumlah ini, 565 permohonan membabitkan NPL sebanyak RM324 juta telah diluluskan untuk penyusunan semula, manakala RM18 juta pembiayaan baharu diluluskan untuk 38 permohonan. Bagi meluaskan jangkauan Skim ini, Bank Negara Malaysia memasukkan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat), Bank Pertanian dan Export-Import Bank Malaysia Berhad (EXIM Bank) sebagai institusi kewangan pelaksana Skim ini pada tahun 2008, yang dengannya pelanggan mereka yang mempunyai NPL kurang daripada RM3 juta akan juga layak dipertimbangkan di bawah Skim ini.

(iii) Membangunkan Produk Kewangan Baharu Untuk PKS

(a) Produk dan Perkhidmatan Baharu oleh CGC

Bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, produk dan perkhidmatan baharu diperkenalkan oleh CGC pada tahun 2007 seperti yang berikut:

- Skim jaminan untuk perniagaan permulaan (DAGS Start-up) bagi membantu PKS baharu yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pembiayaan bank, disebabkan ketidakcukupan cagaran dan ketidakcukupan rekod prestasi kewangan. Di bawah Skim ini, PKS yang layak dan sudah beroperasi kurang dari satu tahun boleh mendapatkan 100% jaminan bagi pembiayaan mereka sehingga RM2 juta.
- Skim jaminan berlandaskan prinsip Syariah, Penambahbaikan Kredit secara Islam atau Credit Enhancer Islamic (Enhancer–*i*), telah dilancarkan pada bulan Januari 2008.

(b) Pengsekuritian Sintetik Pinjaman PKS

Pada bulan Mei 2007, Cagamas Bhd memperkenalkan pengsekuritian pinjaman PKS yang pertama berjumlah RM600 juta melalui syarikat subsidiari milik penuhnya, Cagamas SME Bhd, dengan portfolio pinjaman daripada sebuah institusi perbankan Malaysia. Urus niaga ini ialah urus niaga pengsekuritian sintetik yang pertama di negara ini. Melalui pengsekuritian seumpama itu, institusi perbankan akan mempunyai lebih fleksibiliti dalam menguruskan portfolio pinjaman PKS mereka dan akan mempunyai kapasiti yang dipertingkatkan untuk menyediakan pembiayaan kepada PKS.

(c) Kemudahan Jaminan Bantuan Khas Bagi Perniagaan Yang Terjejas Akibat Banjir

Pada tahun 2007, Bank Negara Malaysia mewujudkan Kemudahan Jaminan Bantuan Khas sebanyak RM500 juta untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh peniaga yang terjejas akibat banjir yang melanda negara pada bulan Disember 2006 dan Januari 2007. Di bawah kemudahan ini, peniaga yang terjejas akibat banjir boleh mendapatkan pembiayaan pada kadar subsidi daripada kesemua bank perdagangan, bank-bank Islam, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Rakyat dan Bank Pertanian. CGC memberikan jaminan 80% bagi pembiayaan yang diperoleh. Pada akhir tahun 2007, sebanyak 4,640 permohonan diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM471.9 juta.

(d) Dana Modal Usaha Niaga bagi Sektor Pertanian

Dua dana modal usaha niaga berjumlah RM300 juta diwujudkan pada tahun 2006 oleh Bank Negara Malaysia dan dua kumpulan perbankan. Dana ini bertujuan mewujudkan dan membangunkan perniagaan pertanian yang bersepadu, khususnya dalam perladangan, perikanan dan penternakan, serta untuk membiayai projek pertanian intensif teknologi baharu, termasuk bioteknologi. Pada akhir tahun 2007, sejumlah RM72.9 juta telah dilaburkan dalam tujuh buah syarikat.

(e) Pengaturan Pembiayaan Perdagangan Baharu dan Pembiayaan Projek Luar Negeri oleh EXIM Bank

Pembiayaan Perdagangan Berbilang Mata Wang (Multi Currency Trade Finance, MCTF) dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung (Indirect Exporter Financing Scheme, IEFS) diwujudkan pada bulan Januari 2006, bertujuan menggalakkan PKS untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka, khususnya ke pasaran bukan tradisi seperti negara-negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC). Pada akhir tahun 2007, sejumlah RM106.9 juta telah diluluskan di bawah MCTF dan RM1.8 juta diluluskan di bawah IEFS.

Bagi memudahkan pembiayaan untuk syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai projek di luar negeri, Tabung Projek Luar Negeri dengan dana berjumlah RM1 bilion telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia di EXIM Bank pada bulan Disember 2006. Pembiayaan berjumlah RM190.9 juta telah diluluskan dengan perlindungan jaminan sebanyak RM143 juta pada akhir tahun 2007.

(iv) Memperkukuh Penyediaan Khidmat Nasihat Kewangan

Bagi melengkapkan infrastruktur kewangan, inisiatif juga diambil untuk memastikan bahawa infrastruktur khidmat nasihat kewangan yang komprehensif diwujudkan. PKS menggunakan pelbagai saluran yang ada untuk menyalurkan pertanyaan dan aduan dan mengambil peluang untuk meningkatkan pemahaman mengenai isu-isu kewangan dan meminta bantuan untuk memulihkan perniagaan yang bermasalah. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia terus menyediakan khidmat yang berkaitan melalui saluran berikut:

(a) BNMLINK

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia (BNMLINK) terus menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada PKS dalam bidang-bidang berikut:

- Maklumat mengenai pelbagai sumber kewangan yang disediakan kepada PKS;
- Bantuan dalam memudahkan proses permohonan pembiayaan; dan
- Nasihat mengenai keperluan dan masalah kewangan PKS.

Pada akhir tahun 2007, lebih daripada 16,600 pertanyaan dan bantuan dipohon oleh sektor PKS, mencerminkan kesedaran yang berterusan dalam kalangan PKS tentang terdapatnya khidmat sedemikian di Bank Negara Malaysia. Daripada jumlah ini, 79%

pertanyaan ialah pertanyaan mengenai dana-dana khas yang disediakan oleh Kerajaan dan nasihat mengenai hal-hal pembiayaan manakala selebihnya mengenai bantuan, terutamanya tentang penyusunan semula pinjaman dan pinjaman yang ditolak.

(b) BNMTELELINK

Bagi melengkapkan perkhidmatan kaunter terbuka yang disediakan oleh BNMLINK, BNMTELELINK, iaitu Pusat Perhubungan khusus Bank Negara Malaysia, dilancarkan pada tahun 2007. BNMTELELINK memudahkan orang ramai termasuk PKS membuat pertanyaan dan aduan kepada Bank melalui telefon, atau secara bertulis melalui faks, e-mel atau pos. Pada akhir tahun 2007 (dalam tempoh tujuh bulan beroperasi), BNMTELELINK telah menerima sebanyak 677 pertanyaan daripada PKS. BNMTELELINK boleh dihubungi di:

Tel. : 1300 88 5465 (Talian bebas tol)
Fax : 03 – 2174 1515 / 03 – 2174 1616
Email : bnmtelelink@bnm.gov.my

Selain khidmat di atas, khidmat nasihat kewangan juga disediakan kepada PKS oleh semua bank perdagangan melalui Unit PKS di institusi kewangan berkenaan; SME Bank melalui Pusat Khidmat Nasihatnya (SME Advisory Centre, SAC); CGC melalui panel perunding dalam Entiti Khidmat Nasihat Perniagaannya (Business Advisory Services Entity, BASE).